

BAB 5

FUNGSI PENERANG

5.1 Pengenalan

Bab ini menjawab tujuan kajian yang pertama, iaitu fungsi tipikal kata sifat sebagai golongan kata yang menjadi penerang kata nama. Dalam fungsi ini, kata sifat hadir dalam gatra penerang dalam binaan frasa nama. Dari segi posisinya dalam frasa, kata sifat bahasa Melayu hadir selepas kata nama inti yang diterangkannya. Bagaimanapun daripada data korpus yang diteliti kata sifat bukan sahaja berfungsi sebagai penerang kepada kata nama, tetapi kata sifat juga berfungsi sebagai penerang kata kerja. Oleh itu, dalam bab ini, fungsi kata sifat sebagai penerang diteliti dari dua aspek, iaitu kata sifat sebagai penerang nama dan kata sifat sebagai penerang kerja. Fungsi kata sifat yang berbeza menyebabkan istilah kata sifat nama dan kata sifat kerja digunakan dalam kajian ini, iaitu kata sifat nama merujuk kata sifat yang menerangkan kata nama, manakala kata sifat kerja merujuk kata sifat yang menerangkan kata kerja.

Dalam fungsi penerang nama, data korpus menunjukkan bahawa selain kata sifat, kata nama dan kata kerja turut menjadi penerang. Oleh itu, dalam fungsi penerang nama ini, kata nama dan kata kerja yang menjadi penerang kepada kata nama inti turut dibincangkan dan hasil daripada perbincangan ini, maka kata sifat akan dibezakan daripada kata nama dan kata kerja kerana ketiga-tiga golongan kata ini menjalankan fungsi yang sama dan mengisi gatra yang sama. Perbezaan ini ditentukan berdasarkan ciri-ciri sintaktik, morfosintaktik dan morfologi,

walaupun dalam fungsi penerang lazimnya ciri morfologi sahaja yang digunakan (lihat Dixon, 2004 13-14). Dalam bab ini, selain mengenal pasti kata sifat sebagai satu golongan kata dalam bahasa Melayu, golongan kata yang bukan merupakan kata sifat tetapi hadir dalam gatra yang sama turut diteliti dan daripada hasil penelitian ini barulah dapat ditentukan kata sifat sebagai satu golongan kata yang berbeza daripada golongan kata yang lain. Oleh itu, bab ini secara khusus membincangkan kata sifat dari tiga aspek, iaitu:

- i. Penerang Nama
- ii. Penerang Kerja
- iii. Penentuan Kata Sifat

5.2 Penerang Nama

Dalam menjalankan fungsi sebagai penerang nama, daripada data korpus yang diteliti, didapati bukan kata sifat sahaja yang menjalankan fungsi ini, tetapi kata nama dan kata kerja turut menjadi penerang kepada kata nama. Oleh itu, dalam fungsi penerang ini, tiga aspek diteliti, iaitu

- i. Kata sifat sebagai penerang nama
- ii. Kata nama sebagai penerang nama
- iii. Kata kerja sebagai penerang nama

5.2.1 Kata Sifat Sebagai Penerang Nama

Kata sifat yang menjadi penerang kepada kata nama hadir dalam binaan frasa nama. Dalam bahasa Melayu, frasa nama terdiri daripada kata nama inti dan penerang. Dalam frasa nama ini, kata nama inti merupakan unsur wajib, manakala penerang merupakan unsur pilihan. Rumus sintaksis bahasa Melayu bagi frasa nama adalah seperti yang berikut:

$$\text{Frasa Nama} = \text{Kata Nama Inti} + \text{Kata Sifat}$$

Berdasarkan rumus ini, kata sifat yang mengisi gatra penerang hadir selepas gatra kata nama inti. Walau bagaimanapun, daripada data korpus yang diteliti, terdapat lima pola bagi unsur pengisi yang hadir dalam gatra penerang, iaitu:

- i. kata nama inti + kata sifat nama + penentu

Contoh :

*Tauke-tauke yang mempunyai bot-bot **besar** itu sebenarnya tidak punya lesen.*

- ii. *beR-* + kata nama inti + kata sifat nama

Contoh :

*Sunita, Sunalini, dan Susheila berkawan **baik** dengan anak-anak perempuan Haji Mohd. Ali.*

- iii. kata nama inti + kata hubung relatif + kata sifat nama + (penentu)

Contoh :

*Maimunah lebih terkenal dengan paras yang **cantik** dan menarik minat para jejaka.*

- iv. kata nama inti + kata hubung relatif + penanda intensiti / penanda perbandingan + kata sifat nama + (penentu)

Contoh :

Tugas Fatimah untuk meyakinkan rakyat menyertai UMNO merupakan tugas yang amat berat.

Contoh :

Susu dan sabun dibeli dengan banyaknya dan dijual kepada ahli-ahli dengan harga yang lebih murah.

- v. kata nama inti + kata hubung relatif + penanda aspek/modalitas + kata sifat nama


Contoh :

Satu rekod yang masih kekal ialah sebagai Ketua Kaum Ibu yang paling lama, iaitu selama 16 tahun, dari 1956 hingga 1972.

Contoh :

Beliau terpaksa berhati-hati kerana beliau sedar implikasi yang mungkin timbul.

Gatra frasa nama ini boleh digambarkan menerusi rajah yang berikut yang merupakan untaian unit-unit sintaksis. Rajah ini diubahsuai daripada Knowles dan Zuraidah Mohd. Don (2008: 39).



Rajah 5.1: Struktur Frasa Nama

Berdasarkan kepada rajah ini, dalam binaan frasa nama, unsur wajib ialah kata nama inti, manakala unsur pilihan terdiri daripada penerang dan penentu. Sebagai unsur wajib, kata nama boleh hadir dalam gatra nama tanpa kehadiran unsur-unsur lain. Daripada Rajah 5.1 ini, apabila kata nama sahaja yang mengisi gatra nama, anak panah daripada gatra inti mengarah terus kepada bulatan tamat dan unsur lain seperti penerang dan penentu yang bersifat pilihan digugurkan. Dalam rajah ini, jika gatra penerang digugurkan, maka frasa nama terdiri daripada kata inti dan penentu sahaja. Ini ditunjukkan menerusi anak panah daripada gatra inti kepada gatra penentu. Jika penentu sahaja yang digugurkan, frasa nama ini terdiri daripada kata nama inti dan penerang. Hal ini ditunjukkan menerusi anak panah daripada gatra penerang kepada bulatan tamat.

Gatra penerang lazimnya bersifat pilihan¹⁷. Gatra penerang ini terdiri daripada satu unsur wajib, iaitu kata sifat dan empat unsur pilihan, iaitu kata hubung relatif dan penanda intensiti / penanda perbandingan / penanda aspek atau modalitas. Unsur wajib bagi gatra penerang bererti kata sifat menjadi unsur wajib yang mengisi gatra penerang, manakala kata hubung relatif dan penanda intensiti / penanda perbandingan / penanda aspek atau modalitas boleh digugurkan. Contohnya frasa *sumbangan yang amat besar*, kata sifat *besar* menjadi unsur wajib gatra penerang, manakala kata hubung relatif *yang* dan penanda intensiti *amat* bersifat pilihan. Dalam gatra penerang ini, selain penanda intensiti / penanda perbandingan / penanda aspek atau modalitas yang menjadi penanda bagi kata sifat, kata hubung relatif *yang* juga diletakkan di dalam gatra penerang kerana *yang* bersifat atribut (Azhar Simin, 1993: 199-223). Dalam fungsi ini, *yang* diletakkan pada posisi yang mendahului penanda intensiti / penanda perbandingan / penanda aspek atau modalitas.

Kata hubung relatif dan penanda intensiti / penanda perbandingan / penanda aspek atau modalitas yang bersifat pilihan ini boleh digugurkan, tetapi penggugurannya melibatkan pengguguran kedua-dua unsur secara serentak atau hanya melibatkan pengguguran penanda intensiti / penanda perbandingan / penanda aspek atau modalitas sahaja tanpa pengguguran kata hubung relatif. Hal ini bererti bahawa dalam gatra penerang nama, tidak ada pola [penanda intensiti/

¹⁷ Bagaimanapun, dalam keadaan kata nama inti terdiri daripada kata nama yang mendukung maksud masa atau waktu contohnya seperti *peringkat*, *zaman*, *masa* dan *usia*, lazimnya kata sifat yang mengisi gatra penerang tidak boleh digugurkan. Contohnya dalam frasa *zaman muda*, *peringkat awal* dan *masa kecil*, kata sifat *muda*, *awal* dan *kecil* tidak digugurkan kerana jika digugurkan frasa tersebut menjadi tidak bermakna. Unsur yang mengisi gatra penerang bukan hanya memberi maklumat tambahan, tetapi penerang juga menjadi penyambut kepada kata nama inti dan ketidakhadirannya menyebabkan maklumat yang dinyatakan tidak lengkap (lihat 5.1.1.3, contoh 12-14).

penanda perbandingan / penanda aspek atau modalitas + kata sifat], tetapi yang ada ialah pola [kata hubung relatif + kata sifat] atau [kata sifat]. Contohnya dalam frasa *masjid yang sangat indah* boleh menjadi frasa *masjid yang indah* atau *masjid indah*, tetapi tidak ada frasa **masjid sangat indah*. Jika terdapat pola [kata nama + penanda intensiti / penanda perbandingan / penanda aspek atau modalitas + kata sifat], pola ini tidak lagi merupakan binaan frasa nama, tetapi merupakan binaan predikat, contohnya : *Masjid / sangat indah*. (lihat Bab 6).

Dalam data korpus yang diteliti, didapati sebahagian besar daripada kata sifat menjalankan fungsi penerang berbanding fungsi-fungsi lain. Jadual 5.1 di bawah menunjukkan bilangan kata sifat yang menjalankan sekurang-kurangnya satu daripada lima fungsi penerang.

Jadual 5.1
Perbandingan Jumlah Antara Fungsi Penerang dan Fungsi-fungsi Lain

KATA SIFAT	FUNGSI	
	PENERANG	FUNGSI-FUNGSI LAIN
282	228	54
(100%)	(80.8%)	(19.2%)

Dalam menjalankan fungsi penerang ini, didapati bahawa daripada sejumlah 282 kata sifat yang mempunyai kekerapan 2 dan ke atas, didapati 228 (80.8 peratus) kata sifat menjalankan sekurang-kurangnya satu fungsi penerang, sama ada dalam pola KN + KS, *ber-* + KN + KS, KN + KH Relatif + KS, KN + KH Relatif + penanda intensiti / perbandingan + KS atau KN + KH Relatif + penanda aspek / modalitas + KS. Selebihnya, iaitu 54 kata sifat (19.2 peratus) lagi tidak

menjalankan fungsi penerang, tetapi menjalankan fungsi lain seperti fungsi predikat, penerang predikat atau sebagai pelengkap.

Bagi setiap pola, didapati pola yang paling tinggi ialah pola kata KN + KS (38.1 peratus) dan yang paling rendah ialah pola KN + KH Relatif + penanda aspek / modalitas + KS (1.4 peratus). Jadual yang berikut menjelaskan bilangan (peratusan) kata sifat dalam fungsi penerang bagi setiap pola.

Jadual 5.2
Bilangan Kata Sifat Mengikut Pola

POLA	KATA SIFAT			JUMLAH (%)
	KATA DASAR	AWALAN <i>teR-</i>	AWALAN <i>pe-/peN-</i>	
KN + KS	142	14	2	158 (38.1%)
<i>beR-</i> + KN + KS	46	2	0	48 (11.6 %)
KN + KHRel + KS	120	16	8	144 (34.7%)
KN + KHRel + PI/PP + KS	56	0	3	59 (14.2%)
KN + KHRel + PA/PM + KS	6	0	0	6 (1.4%)

5.2.1.1 Kata Nama Inti + Kata Sifat Nama + (Penentu)

Bagi frasa nama yang terdiri daripada kata nama inti + kata sifat nama + penentu¹⁸, kata sifat yang menjadi penerang hadir dalam posisi betul-betul selepas

gatra kata nama inti. Oleh itu, tidak ada perkataan lain yang hadir di antara keduanya. Kehadiran kata sifat sebagai penerang nama ditunjukkan menerusi contoh di bawah:

Contoh:

- | | |
|---------------------------------------|---|
| (1a) <i>kerani <u>biasa</u></i> | (2a) <i>khutbah <u>terakhir</u></i> |
| (1b) <i>pertengkaran <u>kecil</u></i> | (2b) <i>kaum <u>terbesar</u></i> |
| (1c) <i>pekerja <u>muda ini</u></i> | (2c) <i>wanita <u>ternama</u></i> |
| (1d) <i>rumah <u>tua itu</u></i> | (2d) <i>sifat <u>pemurah</u></i> |
| (1e) <i>jenama <u>baharu</u></i> | (2e) <i>masyarakat <u>penyayang</u></i> |

Berdasarkan kepada baris-baris konkordans, kata sifat yang menjadi penerang nama dapat dibahagikan kepada dua, iaitu kata sifat yang terdiri daripada kata dasar seperti contoh 1a-1e (lihat Lampiran 5) dan kata sifat yang terdiri daripada kata terbitan seperti contoh 2a-2e (lihat Lampiran 6). Kata sifat yang menjadi penerang lazimnya dalam bentuk kata dasar dan hanya sebilangan kecil sahaja yang merupakan kata terbitan, iaitu perkataan yang kata dasarnya terdiri daripada kata sifat atau golongan kata yang lain dan menerima imbuhan awalan. Jadual yang berikut menjelaskan bilangan kata sifat dasar dan kata sifat terbitan yang menjadi penerang dalam data yang diteliti.

Jadual 5.3

Perbandingan Antara Kata Sifat Dasar dan Kata Sifat Terbitan Pola Kata Nama Inti + Kata Sifat Nama

KATA SIFAT DASAR	KATA SIFAT TERBITAN	
	<i>TeR-</i>	<i>PeN-</i>

¹⁸Kata penentu tidak akan dibincangkan dengan mendalam dalam kajian ini, kerana fokus kajian ialah kata sifat atau frasa sifat yang menjadi unsur penerang.

142 (89.9%)	14 (8.8%)	2 (1.3%)
----------------	--------------	-------------

Berdasarkan kepada jadual di atas, daripada sejumlah 282 kata sifat yang berfungsi sebagai penerang, sejumlah 158 atau 56.0 peratus kata sifat ini memiliki sekurang-kurangnya sekali pola Kata Nama + Kata Sifat. Daripada jumlah ini, didapati kata sifat dasar mempunyai jumlah yang lebih tinggi berbanding kata sifat terbitan, iaitu terdapat sebanyak 142 (89.9 peratus) kata sifat dasar, manakala kata sifat terbitan hanyalah 16 (10.1 peratus). Jumlah ini dengan jelas menunjukkan bahawa dalam menjalankan fungsi penerang, sebilangan besar daripadanya merupakan kata sifat dasar.

Dalam data korpus ini, kata sifat terbitan yang menjadi penerang nama terdiri daripada kata terbitan dengan awalan *teR-* dan *pe-/peN-*. Antara kedua-dua kata terbitan ini, didapati kata terbitan dengan awalan *teR-* lebih tinggi jumlahnya (14 *types* / 8.8 peratus) berbanding awalan *pe-/peN-*, (2 *types* atau 1.3 peratus sahaja - lihat Lampiran 6). Seperti yang diperkatakan dalam bahagian 4.4, kata sifat dengan imbuhan *teR-* terbahagi kepada dua, iaitu *ter*^(a), *ter*^(b) dan kajian ini, kedua-dua kata terbitan berawalan *teR-* ini boleh menjadi unsur penerang. Walaupun perkataan berawalan *teR-* sebahagian besarnya merupakan bentuk tipikal bagi kata kerja, manakala awalan *pe-/peN-* merupakan bentuk tipikal kata nama, tetapi dalam kajian ini, berdasarkan ciri-ciri sintaktik dijelaskan bahawa sebilangan kecil daripadanya tergolong dalam golongan kata sifat.

Dalam data korpus ini, yang berikut merupakan kata terbitan dengan awalan *teR-* yang mengisi gatra penerang dalam frasa nama dan dianggap sebagai kata sifat nama.

Contoh:

- | | |
|---------------------------------------|--------------------------------------|
| (3a) <i>murid <u>terbaik</u></i> | (3f) <i>isteri <u>tercinta</u></i> |
| (3b) <i>kaum <u>terbesar</u></i> | (3g) <i>ibu <u>tersayang</u></i> |
| (3c) <i>orang <u>ternama</u></i> | (3h) <i>penari <u>terkenal</u></i> |
| (3d) <i>jawatan <u>terakhir</u></i> | (3i) <i>faktor <u>terpenting</u></i> |
| (3e) <i>pemimpin <u>tertinggi</u></i> | (3j) <i>tokoh <u>terkemuka</u></i> |

Kata terbitan dengan awalan *ter-* dalam contoh (3) di atas, menunjukkan bentuk superlatif. Walaupun kata sifat dengan awalan *ter-* turut menjelaskan bandingan, tetapi dalam fungsi penerang ini, kata sifat terbitan berawalan *ter-* hanyalah dalam bentuk superlatif, manakala bentuk bandingan hanya terdapat dalam fungsi predikat. Yang berikut menunjukkan kata terbitan dengan awalan *teR-* yang membawa maksud superlatif.

Contoh:

- (4a) *Ramli Ibrahim seorang penari terkenal.*
- (4b) *Beliau memegang jawatan tertinggi, iaitu sebagai Ketua Pengarah Penjara.*
- (4c) *Kitaran hidup sosial beliau dilingkari golongan teratas dalam hierarki masyarakat.*

Bagi kata terbitan dengan awalan *pe-/peN-*, dalam data korpus ini terdapat lapan perkataan sahaja yang digolongkan sebagai kata sifat dan berfungsi sebagai penerang nama, iaitu *pemalu*, *pemurah*, *pengasih*, *penyayang*, *penyabar*, *peramah*, *periang* dan *pendiam*. Umumnya kata terbitan ini terdiri daripada kata dasar yang juga merupakan kata sifat, iaitu *malu*, *murah*, *kasih*, *sayang*, *sabar*, *ramah*, *riang*

dan *diam* dan kata terbitan yang terhasil ini masih mengekalkan golongan katanya, iaitu kata sifat. Bagaimanapun, daripada jumlah ini, hanya dua sahaja kata sifat terbitan yang memenuhi pola Kata Nama + Kata Sifat, iaitu *pemurah* dan *penyayang*. Yang berikut merupakan kata sifat terbitan berawalan *pe/peN-* yang terdapat dalam data korpus yang diteliti, iaitu :

(5a) *sifat pemurah*

(5b) *masyarakatpenyayang*

Berdasarkan contoh ini, didapati bahawa bentuk terbitan ini bukan sahaja jumlahnya kecil, malahan kata nama inti yang diterangkan juga tidak pelbagai. Dalam data korpus ini, hanya satu sahaja kata nama inti yang diterangkan oleh kata sifat *pemurah*, iaitu *sifat*, manakala bagi perkataan *penyayang*, hanya lima sahaja kata yang diterangkan, iaitu *ibu, keluarga, masyarakat, sifat* dan *sikap*.

Bentuk kata sifat terbitan yang mengisi gatra penerang seperti ini lazimnya hadir bersama-sama kata hubung relatif *yang* dan ini dijelaskan dalam bahagian 5.2.1.3. Daripada data korpus yang diteliti, tidak semua kata terbitan berimbuhan awalan *pe-/peN-* ini yang kata dasarnya terdiri daripada kata sifat boleh dikategorikan sebagai kata sifat nama. Misalnya perkataan *pembesar* (*pem-* + *besar*), *pemuda* (*pe-* + *muda*) dan *pengganas* (*peng-* + *ganas*) digolongkan ke dalam golongan kata nama terbitan dan bukan kata sifat kerana kata terbitan ini tidak mempamerkan ciri-ciri kata sifat, tetapi menepati ciri-ciri kata nama. Contohnya kata nama terbitan ini tidak boleh didahului oleh penanda intensiti yang merupakan salah satu ciri kata sifat seperti *¹⁹*agak pembesar*, **terlalu pemuda* dan **amat pengganas*, tetapi boleh didahului oleh kata bilangan dan

¹⁹ Tanda asterisk (*) menunjukkan bahawa kata, frasa atau ayat yang dinyatakan adalah tidak tepat atau tidak gramatis.

penjodoh bilangan yang menjadi salah satu ciri bagi kata nama, contohnya seperti *beberapa orang pembesar*, *lima orang pemuda*, dan *sekumpulan pegganas*. Oleh itu, walaupun kata dasarnya terdiri daripada kata sifat tetapi kata terbitan ini tidak dianggap sebagai kata sifat kerana tidak memenuhi ciri-ciri kata sifat.

5.2.1.2 *beR-* + Kata Nama Inti + Kata Sifat Nama

Dalam kajian ini, kata sifat juga dianggap berfungsi sebagai penerang nama apabila hadir selepas perkataan berawalan *beR-*. Yang dimaksudkan dengan perkataan berawalan *beR-* dalam kajian ini ialah perkataan yang kata dasarnya terdiri daripada kata nama dan kata dasar ini digandingkan dengan awalan *ber-*. Bentuk kata yang terhasil ini kemudiannya diikuti oleh kata sifat dan membentuk pola *beR-* + kata nama + kata sifat. Dalam pola ini, *beR-* tidak dianggap sebagai imbuhan, tetapi sebagai unsur klitik. Unsur klitik yang hadir di bahagian hadapan kata/frasa diistilahkan sebagai *proklitik*. Knowles dan Zuraidah Mohd. Don (2006: 46-47) menganggap *beR-* ini sebagai *remnant of preposition* dan dalam kajian ini unsur proklitik ini dianggap sebagai subgolongan kata sendi kerana fungsinya hampir menyamai kata sendi, tetapi yang berbeza ialah kata sendi ini tidak boleh berdiri sendiri. Dalam bahasa Melayu, kata/frasa yang hadir di hadapan kata nama atau frasa nama dianggap sebagai kata sendi dan bentuk ini adalah sama seperti *beR-* dalam kajian ini. Sebagai subgolongan kata sendi, *beR-* hadir di hadapan frasa nama dan polanya adalah seperti yang berikut:

((<i>beR-</i>) + ((Kata Nama) + (Kata Sifat Nama)))

Contoh:

- (6a) ((*beR-*) + ((*bahasa*)_{KN} + (*kasar*)_{KS})_{FN})
 (6b) ((*beR-*) + ((*baju*)_{KN} + (*merah*)_{KS})_{FN})
 (6c) ((*beR-*) + ((*gaji*)_{KN} + (*kecil*)_{KS})_{FN})
 (6d) ((*beR-*) + ((*kelulusan*)_{KN} + (*cemerlang*)_{KS})_{FN})
 (6e) ((*beR-*) + ((*fikiran*)_{KN} + (*terbuka*)_{KS})_{FN})
 (6f) ((*beR-*) + ((*kedudukan*)_{KN} + (*tertinggi*)_{KS})_{FN})

Berdasarkan pola di atas, kata sifat mengisi gatra penerang, iaitu gatra selepas gatra nama inti dan posisinya ini menyamai pola dalam Rajah 5.1. Oleh itu, kata sifat ini berfungsi sebagai penerang kepada kata nama dan bukan penerang kepada kata kerja. Dalam kajian ini, terdapat 48 kata sifat yang berfungsi sebagai penerang dalam pola ini dan daripada jumlah tersebut, kata sifat dasar merupakan penerang yang tinggi jumlahnya berbanding kata sifat terbitan. Hal ini dijelaskan menerusi Jadual 5.4 di bawah :

Jadual 5.4

**Perbandingan Antara Kata Sifat Dasar dan Kata Sifat Terbitan
 Pola *beR-* + Kata Nama + Kata Sifat**

KATA SIFAT DASAR	KATA SIFAT TERBITAN	
	<i>TeR-</i>	<i>PeN-</i>
46 (95.8%)	2 (4.2%)	0 (0)

Jadual ini menjelaskan bahawa daripada 48 kata sifat yang berfungsi sebagai penerang, 46 (95.8 peratus) daripadanya merupakan kata dasar, manakala 2 lagi

(4.2 peratus) terdiri daripada kata terbitan berawalan *teR-*. Dalam data yang diteliti ini, tidak terdapat kata sifat berawalan *peN-* yang mengisi gatra penerang. Ini disebabkan awalan *peN-* pada umumnya merupakan awalan yang tidak lazim bagi gatra penerang, iaitu daripada keseluruhan data korpus, terdapat 8 (2.8 peratus) sahaja *type* kata sifat berawalan *peN-* yang menjalankan fungsi ini. Di samping itu, pola ini agak rendah (11.6 peratus) berbanding pola-pola yang lain, maka aspek ini mempengaruhi ketiadaan awalan *peN-* dalam kajian ini.

Berdasarkan kepada contoh (6a-6f) di atas, kesemua contoh tersebut menunjukkan bahawa kata sifat hadir sebagai penerang dalam frasa nama. Hal ini kerana kata sifat *kasar, merah, kecil, cemerlang, terbuka* dan *tertinggi* menerangkan *bahasa, baju, gaji kelulusan, fikiran* dan *kedudukan* yang merupakan kata nama dan bukan menerangkan kata kerja *berbahasa, berbaju, bergaji, berkelulusan, berfikiran* atau *berkedudukan*, walaupun kata yang diterangkan mempunyai awalan *beR-*. Hal ini disebabkan dalam pola di atas, kata nama dan kata sifat bergabung terlebih dahulu dan membentuk frasa nama dan kemudian barulah imbuhan *ber-* hadir di hadapan frasa nama tersebut. Contohnya, kata nama *gaji* menerima unsur penerang *kecil* membentuk frasa nama *gaji kecil* dan kemudiannya *beR-* yang dianggap sebagai subgolongan kata sendi diletakkan di hadapan frasa nama ini. Disebabkan *beR-* merupakan unsur proklitik yang tidak boleh berdiri sendiri, maka unsur ini perlu dieja secara serangkai dengan kata nama yang mengikutinya.

Walau bagaimanapun, contoh yang berikut ini bukan dalam kategori yang sama kerana kata sifat di sini berfungsi sebagai penerang kata kerja.

Contoh:

(7a) ((*berjalan*)_{KK} (*jauh*)_{KS})

(7b) ((*berjalan*)_{KK} (*lancar*)_{KS})

(7c) ((*berjalan*)_{KK} (*tegak*)_{KS})

Dalam data yang diteliti tidak semua pola *beR-* + kata nama + kata sifat merupakan bentuk yang sama seperti contoh (6a-6f) di atas. Di sini, kata sifat tidak menerangkan kata nama, tetapi kata sifat menerangkan kata kerja yang berawalan *beR-*. Hal ini kerana, kata sifat *jauh*, *lancar* dan *tegak* tidak menerangkan kata nama *jalan*, tetapi menerangkan perbuatan *berjalan*. Yang berikut merupakan ayat contoh bagi kata kerja *berjalan* yang menjelaskan aspek ini.

Contoh:

(8a) ...*kurang yakin membawa ibu mereka berjalan jauh untuk melakukan umrah.*

(8b) *Pembinaan masjid berjalan lancar kerana projek itu tidak mempunyai masalah kewangan.*

(8c) *Siti Hasmah berjalan tegak dan cergas menuju ke dewan majlis.*

Berdasarkan kepada contoh (8a-8c), kata sifat *jauh*, *lancar* dan *tegak* merupakan penerang kepada kata kerja *berjalan* dan bukan kata nama *jalan*. Hal ini kerana imbuhan *beR-* dan kata nama *jalan* digabungkan terlebih dahulu membentuk kata kerja dan kemudian barulah kata sifat mengisi gatra penerang dan pola yang dihasilkan, iaitu ((*beR-* + *jalan*) (*jauh*)), ((*beR-* + *jalan*) (*lancar*)) dan ((*beR-* + *jalan*) (*tegak*)) dan ini berbeza daripada contoh (7a-7d). Di sini, kata sifat berfungsi sebagai penerang kata kerja dan dianggap sebagai kata sifat kerja

(lihat 5.3). Tambahan pula, dari segi makna, *beR-* yang dianggap sebagai unsur proklitik membawa maksud *sifat*, *pemilikan* atau *keadaan* sesuatu, tetapi *beR-* sebagai imbuhan kata kerja membawa maksud *proses*, dan *cara* sesuatu perbuatan dilakukan.

5.2.1.3 Kata Nama Inti + Kata Hubung Relatif + Kata Sifat Nama + (Penentu)

Dalam pola ini, frasa nama bukan sahaja terdiri daripada kata nama inti dan kata sifat, tetapi kata hubung relatif turut dimuatkan dalam frasa nama ini. Oleh itu, dalam binaan frasa nama, selain kata/frasa sifat sebagai penerang, kata hubung relatif *yang* turut dimuatkan sebagai salah satu unsur pengisi dan posisinya diletakkan di hadapan kata/frasa sifat dalam gatra penerang. Terdapat sejumlah 144 kata sifat yang hadir selepas kata hubung relatif *yang* dalam kajian ini. Kata sifat yang menjadi inti bagi gatra penerang boleh terdiri daripada bentuk tunggal atau bentuk terbitan.

Contoh:

(9a) ((**tugas**)_{KN} ((*yang*)_{KHR} (*berat*)_{KS})_{FS} (*itu*)_{Pen})_{FN}

(9b) ((**tindakan**)_{KN} ((*yang*)_{KHR} (*berani*)_{KS})_{FS})_{FN}

(9c) ((**akta**)_{KN} ((*yang*)_{KHR} (*terkenal*)_{KS})_{FS})_{FN}

(9d) ((**suara**)_{KN} ((*yang*)_{KHR} (*lembut*)_{KS})_{FS})_{FN}

Berdasarkan kepada contoh ini, kata sifat menjadi kata inti dalam frasa sifat dan kata hubung relatif *yang* dimuatkan sebagai salah satu unsur dalam frasa sifat dan di sini kata hubung relatif ini turut berfungsi sebagai penerang kepada frasa nama.

Sama seperti pola yang lain, kata sifat dasar merupakan penerang yang tinggi jumlahnya berbanding kata terbitan. Ini dijelaskan oleh Jadual 5.5 yang berikut :

Jadual 5.5
Perbanding Antara Kata Sifat Dasar dan Kata Sifat Terbitan
Pola Kata Nama + KH Relatif + Kata Sifat

KATA SIFAT DASAR	KATA SIFAT TERBITAN	
	<i>TeR-</i>	<i>PeN-</i>
120	16	8
(83.3%)	(11.1%)	(5.6%)

Daripada jadual ini, didapati bahawa kata sifat dasar merupakan unsur penerang yang tertinggi (83.3 peratus) berbanding kata terbitan (16.7 peratus). Walaupun kata terbitan *teR-* dan *peN-* agak rendah peratusannya, tetapi jika dibandingkan dengan pola Kata Nama + Kata Sifat, didapati bahawa kata terbitan yang didahului oleh kata hubung relatif ini lebih tinggi jumlahnya, iaitu awalan *teR-* sebanyak 11.1 peratus (berbanding 8.8 peratus) dan awalan *peN-* sebanyak 5.6 peratus (berbanding 1.3 peratus). Hal ini menjelaskan bahawa dalam bahasa Melayu, pada umumnya kata terbitan yang menjadi unsur penerang lazimnya didahului oleh kata hubung relatif berbanding tanpa kehadiran *yang* (lihat Lampiran 8).

Contoh:

- (10a) *rawatan yang terbaik*
- (10b) *peribadi yang tercantik*
- (10c) *ibu mertua yang penyayang*
- (10d) *perwatakan yang peramah*

Kata hubung *yang* yang juga merupakan unsur penerang boleh digugurkan dan pengguguran ini tidak menjejaskan kegramatisan sesuatu frasa.

Contoh:

(11a) *rawatan Ø terbaik*

(11b) *peribadi Ø tercantik*

(11c) *ibu mertua Ø penyayang*

(11d) *perwatakan Ø peramah*

Menurut Azhar Simin (1993: 223), penerang yang mempunyai kata hubung relatif dengan penerang yang digugurkan kata hubung relatifnya dianggap sebagai pasangan minimum. Oleh itu, *rawatan yang terbaik* dengan *rawatan terbaik* merupakan pasangan minimum dan kehadiran *yang* dalam gatra penerang ini mempunyai kaitan dengan aspek semantik kerana maknalah yang menentukan kehadiran kata hubung ini. Dari sudut makna, kata hubung relatif *yang* dianggap sebagai mengesakan atau menegaskan kata/frasa yang diterangkan. Justeru, Za'ba (1958: 131) menganggap kehadiran *yang* sebelum kata sifat membawa maksud kata nama yang diterangkan itu terasing daripada kata nama yang lain. Aspek "keterasingan" ini menunjukkan bahawa kata hubung relatif *yang* yang digunakan dalam frasa nama tidak bersifat pilihan melainkan bersifat "rasional". Keterasingan sesuatu kata nama membolehkan kata nama tersebut dinyatakan lebih jelas berbanding kata nama yang tidak memiliki sifat tersebut.

Walau bagaimanapun, berdasarkan data korpus yang diteliti, tidak semua penerang boleh digugurkan. Jika kata nama yang diterangkan membawa maksud tempoh masa atau waktu, contohnya seperti *peringkat*, *zaman* atau *usia*, lazimnya

kata sifat di bawah subgolongan waktu yang mengisi gatra penerang tidak boleh digugurkan.

Contoh:

(12a) *Dalam arena politik, pada zaman awal, lelaki yang ramai memegang jawatan.*

(12b) **Dalam arena politik, pada zaman Ø, lelaki yang ramai memegang jawatan.*

(13a) *Kedatangan Jepun dalam tahun 1941 merupakan bermulanya zaman gelap bagi rakyat Tanah Melayu.*

(13b) **Kedatangan Jepun dalam tahun 1941 merupakan bermulanya zaman Ø bagi rakyat Tanah Melayu.*

(14a) *Bibit-bibit penglibatan Siti Hasmah dalam bidang kesukarelaan telah kelihatan sejak usia yang muda lagi.*

(14b) **Bibit-bibit penglibatan Siti Hasmah dalam bidang kesukarelaan telah kelihatan sejak usia Ø lagi.*

Berdasarkan contoh di atas, apabila kata nama yang menjadi inti kepada frasa nama terdiri daripada perkataan yang membawa maksud tempoh masa atau waktu tertentu, maka unsur penerang diperlukan kerana penerang kata sifat dalam subgolongan waktu berfungsi bagi menjelaskan kata nama dengan lebih tepat. Oleh hal yang demikian, kata sifat yang terdapat dalam frasa nama tersebut tidak boleh digugurkan dan dianggap sebagai unsur penyambut kepada kata nama. Dalam kajian ini hanya memaparkan beberapa contoh kata sifat yang menjadi

unsur penerang yang tidak boleh digurukan dan disebabkan aspek ini membabitkan semantik (lihat Azhar Simin, 1993: 230), maka penelitian terhadap aspek ini tidak dijelaskan secara mendalam kerana kajian ini tidak meneliti aspek semantik sesuatu golongan kata. Oleh itu, kajian lain yang menumpukan perhatian terhadap aspek semantik diperlukan untuk membincangkan aspek ini.

5.2.1.4 Kata Nama Inti + Kata Hubung Relatif + Penanda Intensiti / Penanda Perbandingan + Kata Sifat Nama

Kata sifat yang hadir dalam gatra penerang hanya boleh didahului oleh penanda intensiti atau penanda perbandingan jika penanda intensiti dan penanda perbandingan ini didahului oleh kata hubung *yang* terlebih dahulu. Dari segi posisinya, penanda intensiti atau penanda perbandingan ini hadir di hadapan kata sifat nama, iaitu posisinya di antara kata hubung relatif dengan kata sifat.

Contoh:

(15a) *hidup yang lebih sihat*

(15b) *nilai yang terlalu tinggi*

(15c) *masalah yang agak rumit*

(15d) *dugaan yang paling hebat*

(15e) *hadiah yang sangat istimewa*

(15f) *seorang yang sangat peramah*

(15g) *ibu yang sangat penyayang*

Dalam pola ini, didapati bahawa 94.9 peratus daripada unsur penerang terdiri daripada kata dasar, manakala selebihnya terdiri daripada kata terbitan. Ini dijelaskan menerusi jadual di bawah.

Jadual 5.6

**Perbanding Antara Kata Sifat Dasar dan Kata Sifat Terbitan
Pola Kata Nama + KH Relatif + P. Intensiti/Perbanding + Kata Sifat**

KATA SIFAT DASAR	KATA SIFAT TERBITAN	
	<i>teR-</i>	<i>peN-</i>
56	0	3
(94.9%)	(0)	(5.1%)

Berdasarkan kepada Jadual 5.6 ini, hanya kata terbitan berawalan *peN-* yang berfungsi sebagai penerang dan tiada kata terbitan berawalan *teR-* walaupun kata sifat berawalan *teR-* yang terdapat dalam data korpus yang dikaji ini lebih tinggi jumlahnya (17 *types*) berbanding awalan *peN-* (8 *types*). Hal ini disebabkan awalan *teR-* telah mendukung makna superlatif, maka apabila terdapat penanda intensiti, maka lazimnya awalan *teR-* tidak lagi diperlukan. Oleh itu, dalam kajian ini, tidak terdapat penerang berawalan *teR-* yang memenuhi pola ini.

Berdasarkan kepada contoh (15a-15g), jika kata hubung relatif *yang* digugurkan dan pola yang terhasil ialah penanda intensiti/ penanda perbandingan + kata sifat, maka pola ini tidak lagi mengisi gatra penerang melainkan mengisi gatra predikat (lihat Bab 6). Bagi menjelaskan keadaan ini (fungsi predikat), dalam contoh di bawah diletakkan kata ganti nama diri dan kata tunjuk (contohnya *-nya*, *ini* dan *itu*) sebagai penanda pemisah antara subjek dan predikat (lihat Mees, 1969: 81).

Contoh:

(16a) *hidup (nya) /lebih sihat*

(16b) *nilai (ini) / terlalu tinggi*

(16c) *masalah (ini) / agak rumit*

(16d) *dugaan (itu) /paling hebat*

(16e) *hadiah (itu) /sangat istimewa*

(16f) *(se)orang (itu) / sangat peramah*

Contoh (16) menunjukkan bahawa apabila kata hubung relatif digugurkan frasa yang terhasil tidak lagi hadir dalam gatra penerang sebaliknya mengisi gatra predikat. Disebabkan dalam gatra penerang hanya kata sifat yang merupakan unsur wajib bagi gatra tersebut, maka unsur pilihan, iaitu kata hubung relatif dan penanda intensiti boleh digugurkan. Jika digugurkan kedua-dua unsur penerang ini bentuk yang terhasil masih lagi gramatis.

Contoh:

(17a) *hidup Ø sihat*

(17b) *nilai Ø tinggi*

(17c) *masalah Ø rumit*

(17d) *dugaan Ø hebat*

(17e) *hadiah Ø istimewa*

(17f) *seorang Ø peramah*

Bagaimanapun, bagi contoh (17f) di atas, lazimnya kata hubung relatif tidak digugurkan kerana berdasarkan kepada data korpus, bilangan kata sifat berawalan *pe-/peN-* yang didahului oleh kata hubung relatif adalah lebih tinggi

berbanding tanpa kata hubung relatif apabila berfungsi sebagai penerang. Bagaimanapun, jika digugurkan frasa yang terhasil masih gramatis apabila frasa ini hadir bersama-sama perkataan lain dalam sesebuah ayat, misalnya dalam ayat *Datin Seri seorang Ø peramah dan tidak sombong*. Ayat yang terhasil ini masih gramatis.

Dalam fungsi kata sifat sebagai penerang, kata sifat boleh hadir sendirian atau boleh hadir bersama-sama unsur pilihan seperti kata hubung relatif *yang* dan penanda intensiti/penanda perbandingan. Dalam fungsi ini juga seluruh gatra penerang yang menjadi unsur pilihan dalam frasa nama boleh digugurkan dan pengguguran ini tidak menjejaskan kegramatisan frasa tersebut.

Contoh:

(18a) *bekerja sebagai kerani biasa di Pejabat Kesihatan*

(18b) *bekerja sebagai kerani Ø di Pejabat Kesihatan*

(19a) *kerajaan juga memberikan peruntukan yang besar untuk NGO.*

(19b) *kerajaan juga memberikan peruntukan Ø untuk NGO.*

(20a) *membina sebuah masjid yang sangat indah bagi memenuhi keperluan penduduk*

(20b) *membina sebuah masjid Ø bagi memenuhi keperluan penduduk*

5.2.1.5 Kata Nama Inti + Kata Hubung Relatif + Penanda

Aspek/Modalitas + Kata Sifat Nama

Menerusi pola ini, penanda aspek/modalitas turut hadir dalam gatra penerang dan posisinya adalah antara kata hubung relatif dan kata sifat nama. Walau bagaimanapun, menerusi data yang diteliti, jumlah penanda aspek/modalitas yang boleh hadir bersama-sama kata sifat agak rendah jika dibandingkan dengan penanda intensiti dan penanda perbandingan. Ini ditunjukkan menerusi Jadual 5.7 yang berikut :

Jadual 5.7

**Perbandingan Antara Kata Sifat Dasar dan Kata Sifat Terbitan
Pola Kata Nama + KH Relatif + P. Aspek/Modalitas + Kata Sifat**

KATA SIFAT DASAR	KATA SIFAT TERBITAN	
	<i>TeR-</i>	<i>PeN-</i>
6	0	0
(100%)	(0)	(0)

Daripada jadual ini, terdapat 6 sahaja kata sifat yang menjalankan fungsi penerang dan kesemuanya merupakan kata sifat dasar. Jumlah yang rendah ini disebabkan asosiasi kata sifat dengan penanda aspek dan penanda modalitas adalah asosiasi yang tidak lazim. Dalam kajian ini, kehadirannya hanyalah terbatas kepada tiga penanda aspek *masih*, *sudah* dan *telah* dan satu penanda modalitas, iaitu *mungkin*.

Contoh:

(21) *wanita yang masih muda*

(22) *akar yang sudah hampir lapuk*

- (23) *ibu bapa yang telah tua*
- (24) *pengikut yang mungkin kurang sadar*

Sama seperti penerang yang lain, kata sifat yang terdiri daripada penanda aspek/modalitas juga boleh digugurkan dan pengguguran unsur penerang ini tidak menjejaskan kegramatisan ayat.

Contoh:

- (21a) Semangat inginkan kemerdekaan negara melonjak-lonjak di kalangan rakyat yang bersemangat nasionalis, sehingga memikat wanita yang masih muda.
- (21b) Semangat inginkan kemerdekaan negara melonjak-lonjak di kalangan rakyat yang bersemangat nasionalis, sehingga memikat wanita Ø.
- (22a) Apabila kita telah mendapat sebatang rotan yang kukuh dan kuat, maka mustahaklah kita menukar akar yang sudah hampir lapuk ini.
- (22b) Apabila kita telah mendapat sebatang rotan yang kukuh dan kuat, maka mustahaklah kita menukar akar Ø ini.
- (23a) Ada keadaan-keadaan tertentu yang menghindarkan pasangan muda menjaga ibu bapa yang telah tua.
- (23b) Ada keadaan-keadaan tertentu yang menghindarkan pasangan muda menjaga ibu bapa Ø.

(24a) Jelaslah bahawa bukan agama Islam yang mengetepikan wanita tetapi pengikutnya yang mungkin kurang sedar.

(24b) Jelaslah bahawa bukan agama Islam yang mengetepikan wanita tetapi pengikutnya Ø.

5.2.2 Kata Nama Sebagai Penerang

Berdasarkan kepada data korpus, selain kata sifat, kata nama juga boleh hadir sebagai penerang kepada kata nama / frasa nama. Sama seperti pola kata sifat, kata nama mengisi gatra penerang dan posisinya selepas gatra kata nama inti. Yang berikut menunjukkan rumus sintaksis bagi frasa nama apabila kata nama berfungsi sebagai penerang:

$$\text{Frasa Nama} = \text{Kata Nama Inti} + \text{Kata Nama}$$

Apabila kata nama menjadi penerang, golongan kata ini tidak lagi menjalankan fungsi tipikalnya dan di sini kata nama ini telah mengalami sesesaran sintaktik, iaitu kata nama beralih kedudukannya daripada gatra kata nama inti kepada gatra penerang. Daripada data korpus yang diteliti, terdapat banyak kata nama yang menjadi penerang berbanding kata kerja apabila unsur penerang terdiri daripada kata dasar (lihat Lampiran 9), tetapi jika penerang terdiri daripada kata terbitan, didapati jumlah kata kerja melebihi kata nama (lihat Lampiran 10). Kata nama yang menjadi penerang ini boleh terdiri daripada kata dasar (25a-25g) atau kata terbitan (26a-26g).

Contoh:

- | | |
|-------------------------------------|---|
| (25a) <i>ceramah <u>politik</u></i> | (26a) <i>ahli <u>persatuan</u></i> |
| (25b) <i>dapur <u>kayu</u></i> | (26b) <i>air <u>minuman</u></i> |
| (25c) <i>gadis <u>kampung</u></i> | (26c) <i>amalan <u>pemakanan</u></i> |
| (25d) <i>masalah <u>rakyat</u></i> | (26d) <i>tanah <u>pertanian</u></i> |
| (25e) <i>susu <u>botol</u></i> | (26e) <i>barang <u>dagangan</u></i> |
| (25f) <i>tanah <u>sawah</u></i> | (26f) <i>bidang <u>kewartawanan</u></i> |
| (25g) <i>peraih <u>ikan</u></i> | (26g) <i>masalah <u>kewangan</u></i> |

Dalam fungsi penerang, kata nama yang dimuatkan dalam gatra penerang terdiri daripada kata nama sahaja. Oleh itu, tidak ada unsur lain selain kata nama. Aspek ini agak berbeza daripada kata sifat dan kata kerja kerana dalam fungsi penerang, terdapat beberapa unsur lain yang boleh mengisi gatra ini. Dalam fungsi penerang ini, kata nama yang bertindak sebagai penerang boleh digugurkan.

Contoh:

- (27a) *Dia mandi dan belajar berenang di tepi sungai tersebut di bawah seliaan orang dewasa kerana arus sungai pada masa itu agak deras.*
- (27b) *Dia mandi dan belajar berenang di tepi sungai tersebut di bawah seliaan orang dewasa kerana arus Ø pada masa itu agak deras.*
- (28a) *Semua baju persandingan Siti Hasmah dibelinya sendiri kerana ketika itu beliau telah pun bekerja.*
- (28b) *Semua baju Ø Siti Hasmah dibelinya sendiri kerana ketika itu beliau telah pun bekerja.*

Bagaimanapun, tidak semua penerang kata nama boleh digugurkan kerana pengguguran penerang menjadikan ayat yang terhasil tidak gramatis atau tidak lengkap.

Contoh:

(29a) *Dua orang anak yang sering menjadi perantara beliau dengan ahli keluarga ialah Nik Mastura dan Nik Amrah.*

(29b) **Dua orang anak yang sering menjadi perantara beliau dengan ahli Ø ialah Nik Mastura dan Nik Amrah.*

(30a) *Setelah lulus Senior Cambridge dengan cemerlang, Abdullah terus melanjutkan pelajaran ke luar negeri dalam bidang jurutera.*

(30b) **Setelah lulus Senior Cambridge dengan cemerlang, Abdullah terus melanjutkan pelajaran ke luar negeri dalam bidang Ø.*

Berdasarkan contoh ini, didapati bahawa penerang yang tidak boleh digugurkan ini merupakan penyambut kepada kata nama inti yang tidak boleh menjadi kata inti tunggal dalam frasa nama. Perkataan *ahli* dan *bidang* ini menyamai kata nama inti *zaman* dan *usia* (lihat 5.2.1.3). Walaupun perkataan-perkataan merupakan kata nama, kata nama ini tidak seperti kata nama inti yang lain kerana keempat-empat kata nama ini memerlukan unsur penerang yang lain sama ada kata nama, kata sifat, kata penentu atau kata tugas yang lain untuk menjadi unsur inti dalam binaan frasa nama. Oleh itu, tidak semua frasa nama mengandungi satu unsur inti apabila menjalankan fungsi sintaksis.

5.2.3 Kata Kerja Sebagai Penerang

Kata kerja juga boleh hadir sebagai penerang kepada kata nama inti. Sama seperti penerang yang lain, kata kerja hadir dalam gatra penerang selepas gatra nama inti. Ini ditunjukkan oleh rumus sintaksis di bawah:

Frasa Nama = Kata Nama Inti + Kata Kerja
--

Dalam menjalankan fungsi ini, kata kerja telah mengalami sesesaran, iaitu beralih kedudukannya daripada gatra asal kata kerja, iaitu gatra predikat kepada gatra penerang. Dari segi pola, didapati kata kerja yang menjadi penerang nama memiliki pola yang hampir sama dengan kata sifat, iaitu:

- i. kata nama inti + kata kerja
contoh : *nada berjenaka*
- ii. kata nama inti + kata hubung relatif + kata kerja
contoh : *wang yang terkumpul*
- iii. kata nama inti + kata hubung relatif + penanda intensiti / penanda perbandingan + kata kerja
contoh : *seorang yang sangat berdisiplin*
contoh : *bidang yang lebih mencabar*
- iv. kata nama inti + kata hubung relatif + kata aspek / kata modalitas + kata kerja
contoh : *projek yang telah dirancang*
contoh : *hajat yang mahu disampaikan*

5.2.3.1 Kata Nama Inti + Kata Kerja

Dalam pola kata nama inti + kata kerja, hanya kata kerja sahaja yang mengisi gatra penerang dan tidak ada unsur pilihan yang lain. Berbeza daripada kata sifat, kata kerja yang menjadi penerang lazimnya terdiri daripada kata terbitan, iaitu kata yang berawalan *ber-* dan *meN-*. Hal ini disebabkan dalam bahasa Melayu, kata kerja yang terdiri daripada kata dasar mempunyai jumlah yang agak rendah berbanding kata kerja terbitan.

Contoh:

(31a) *bilik tidur*

(31b) *upah panjat*

(31c) *amalan berdoa*

(32d) *guru berijazah*

(32e) *hari bersanding*

(32f) *ilmu berkebun*

Berdasarkan contoh di atas, kata kerja *tidur* (31a) merupakan unsur pengisi dalam gatra penerang yang terdiri daripada kata dasar. Data yang diteliti menunjukkan kata dasar yang menjadi unsur pengisi agak sedikit berbanding kata terbitan. Antara contoh kata kerja dasar yang menjadi penerang ialah *kain potong*, *majlis makandan* *upah panjat*. Bagi penerang yang terdiri daripada kata kerja terbitan lazimnya kata terbitan tersebut terdiri daripada awalan *ber-* berbanding kata kerja yang berawalan *meN-* walaupun dalam bahasa Melayu awalan *meN-* lebih kerap berbanding awalan *ber-*. Yang berikut ini merupakan antara contoh penerang yang terdiri daripada kata kerja berawalan *ber-*, iaitu *acara berkelah*, *amalan*

bersenam, barang berjenama, calon bertanding, cara berjalan, cara berpakaian, gaya berkempen, jalan bertar, jururawat bertauliah, kain berkodi, kawan bermain, lesen berniaga dan tahun bersejarah (lihat Lampiran 10). Bagi awalan *meN-*, antara yang terdapat dalam data yang diteliti ialah *amalan membaca, bahan/baju/kelas memasak dan kelas mengaji al-Quran*.

5.2.3.2 Kata Nama Inti + Kata Hubung Relatif + Kata Kerja

Bagi pola kata nama + kata hubung relatif + kata kerja, kata hubung relatif ini hadir di hadapan kata kerja dalam frasa kerja. Bagi pola ini, didapati kata kerja yang menjadi penerang lazimnya terdiri daripada kata terbitan.

Contoh:

(33a) *gadis yang bekerja*

(33b) *pelajar yang berkayak*

(33c) *gadis yang berkahwin*

(33d) *jamuan yang dihidangkan*

(33e) *pengalaman yang mendebarkan*

Kata kerja yang menjadi penerang kepada kata nama dalam pola ini mempunyai frekuensi yang tinggi berbanding pola yang lain, terutama bagi penerang yang terdiri daripada kata kerja berawalan *di-* (lihat Lampiran 11). Hal ini disebabkan kata kerja berawalan *di-* merupakan awalan pasif (bagi ganti nama diri orang ketiga) dan dalam ayat pasif, kata kerja ini hadir selepas kata nama. Oleh itu, dalam ayat pasif, kata kerja berawalan *di-* bukan merupakan kata kerja pasif

semata-mata, tetapi dalam posisi tersebut kata kerja ini secara tidak langsung turut berfungsi sebagai penerang kepada kata nama yang juga merupakan objek kepada ayat pasif tersebut.

Contoh:

(34a) *cerita yang dibacakan*

(34b) *tanah yang dibeli*

(34c) *kemajuan yang dicapai*

(34d) *bidang yang diceburi*

(34e) *istilah yang digunakan*

(34f) *masalah yang dihadapi*

5.2.3.3 Kata Nama Inti + Kata Hubung Relatif + Penanda Intensiti/ Penanda Perbandingan+ Kata Kerja

Dalam data yang diteliti pola kata nama + kata hubung relatif + penanda intensiti/penanda perbandingan + kata kerja juga merupakan bentuk yang lazim dalam bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa apabila kata kerja menjadi penerang kepada kata nama unsur penerang lain turut hadir dalam frasa kerja tersebut.

Contoh:

(35a) *harta yang paling bernilai*

(35b) *kawasan yang agak tertinggal*

(35c) *kerjaya yang sangat mencabar*

(35d) *peristiwa yang kurang menyenangkan*

(35e) *kemajuan yang amat membanggakan*

Contoh ini juga menunjukkan bahawa, penanda intensiti bahasa Melayu yang merupakan penanda atau ciri bagi kata sifat juga boleh hadir bersama-sama kata kerja dalam menjalankan fungsinya sebagai penerang nama. Bagaimanapun, tidak seperti kata sifat, kehadiran penanda intensiti bersama-sama kata kerja ini hanya terbatas kepada kata kerja terbitan, iaitu kata yang sebahagian besar daripada kata dasarnya terdiri daripada kata sifat dan sebilangan kecil kata nama atau kata kerja (lihat Lampiran 12). Kata kerja terbitan ini boleh menerima penanda intensiti kerana dari sudut makna kata kerja tersebut berkecenderungan untuk mempunyai ciri seperti kata sifat, iaitu mempunyai darjah-darjah tertentu atau terdapat pemeringkatan bagi kata yang diterangkannya.

5.2.3.4 Kata Nama Inti + Kata Hubung Relatif + Penanda Aspek/ Penanda Modalitas + Kata Kerja

Penanda aspek (seperti *telah, sudah, akan, belum, masih, sedang*) atau penanda modalitas (seperti *hendak, mahu, ingin, harus, mesti, boleh, dapat*) yang lazimnya hadir bersama-sama kata kerja turut menjadi unsur pengisi dalam gatra penerang. Dari segi posisinya, penanda aspek dan penanda modalitas ini hadir sebelum kata kerja. Sama seperti penanda intensiti dan penanda perbandingan, kehadiran penanda aspek dan modalitas dalam gatra penerang turut memerlukan kehadiran kata hubung *yang* kerana tanpa *yang* pola yang terhasil hadir dalam gatra predikat. Yang berikut merupakan contoh kehadiran penanda aspek dan penanda modalitas dalam gatra penerang.

Contoh:

- (36a) *majlis yang akan dihadiri*
- (36b) *anak yang telah bekerja*
- (36c) *cucu yang hendak dipukul*
- (36d) *negara yang masih dijajah*
- (36e) *anak-anak yang telah berkahwin*

Seperti unsur penerang yang lain, lazimnya kata kerja atau frasa kerja yang menjadi unsur penerang (pola 1-pola 4) boleh digugurkan:

Contoh:

- (37a) *Quarters demikian tidak mempunyai bilik tidur dan hanya ada ruang depan, tengah dan dapur.*
- (37b) *Quarters demikian tidak mempunyai bilik Ø dan hanya ada ruang depan, tengah dan dapur.*

- (38a) *Setiap kali orang UMNO datang ke rumah ada sahajalah jamuan yang dihidangkan.*
- (38b) *Setiap kali orang UMNO datang ke rumah ada sahajalah jamuan Ø.*

- (39a) *Itulah harta yang paling bernilai daripada Ismail kepada Enjah.*
- (39b) *Itulah harta Ø daripada Ismail kepada Enjah.*

(40a) *Di Asia dan Afrika, beberapa negara yang masih dijajah mula berjaya melepaskan diri daripada kongkongan kuasa penjajah.*

(40b) *Di Asia dan Afrika, beberapa negara Ø mula berjaya melepaskan diri daripada kongkongan kuasa penjajah.*

Bagaimanapun, tidak semua kata kerja yang menjadi unsur pengisi gatra penerang boleh digugurkan (sama seperti kata sifat dan kata nama yang menjadi penerang bagi kata nama inti yang tidak boleh menjadi kata nama tunggal dalam binaan frasa nama). Hal ini kerana penguguran seluruh gatra penerang menjadikan ayat tidak lengkap atau tidak gramatis.

Contoh:

(41a) *Satu cerita yang menarik dalam amalan berdoa ialah bersabit anak mereka Nik Adnan.*

(41b) **Satu cerita yang menarik dalam amalan Ø ialah bersabit anak mereka Nik Adnan.*

(42a) *Ibu Enjah memang suka akan barang yang berjenama kerana cantik dan tahan lama.*

(42b) *Ibu Enjah memang suka akan barang Ø berjenama kerana cantik dan tahan lama.*

(42c) **Ibu Enjah memang suka akan barang Ø kerana cantik dan tahan lama.*

- (43a) *Hubungan antara Fatimah dan Abdul Kadir sangat rapat walaupun mereka mempunyai perwatakan yang agak berbeza.*
- (43b) *Hubungan antara Fatimah dan Abdul Kadir sangat rapat walaupun mereka mempunyai perwatakan Ø berbeza.*
- (43c) **Hubungan antara Fatimah dan Abdul Kadir sangat rapat walaupun mereka mempunyai perwatakan Ø.*


Daripada contoh (41-43) ini, frasa kerja yang merupakan unsur penerang tidak boleh digugurkan keseluruhannya (lihat contoh 41b, 42c dan 43c), tetapi yang boleh digugurkan ialah unsur penerang yang terdapat dalam frasa kerja itu sendiri seperti kata hubung relatif dan penanda intensiti (lihat contoh 42b dan 43b). Hal ini bererti kata kerja yang merupakan inti atau unsur wajib dalam frasa kerja walaupun merupakan unsur penerang dalam frasa nama, tetapi dalam keadaan tertentu kata kerja ini tidak boleh digugurkan. Hal ini disebabkan kata kerja ini memberikan makna tambahan terhadap kata nama inti yang tidak boleh menjadi kata nama inti tunggal dalam binaan frasa nama. Jika digugurkan ayat yang terhasil tidak lengkap atau tidak gramatis. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memaparkan beberapa contoh kata kerja / frasa kerja yang menjadi penerang nama yang tidak boleh digugurkan dan penelitian dalam aspek ini perlu dilakukan dengan lebih mendalam lagi dalam kajian yang lain.

5.3 Penerang Kerja

Seperti yang dinyatakan pada bahagian awal bab ini, selain menjadi penerang kepada kata nama inti, kata sifat juga menjadi unsur penerang kepada kata kerja.

5.3.1 Kata Sifat Sebagai Penerang Kerja

Kata sifat menjadi penerang kepada kata kerja apabila hadir dalam gatra penerang selepas gatra kerja dalam binaan frasa kerja dan dalam fungsi ini kata sifat diistilahkan sebagai kata sifat kerja. Gatra yang diisi oleh kata sifat dalam frasa kerja ditunjukkan seperti rajah di bawah:



Rajah 5.2 : Kata Kerja dan Penerang

(Knowles dan Zuraidah Mol 2008: 43)

Berdasarkan kepada rajah ini, kata sifat mengisi gatra penerang dan gatra ini terletak selepas gatra kerja. Dalam data korpus yang dikaji, yang berikut merupakan kata sifat yang menjalankan fungsi penerang kerja.

Contoh:

(44a) *ketawa kecil*

(44b) *bangun awal*

(44c) *terkejut besar*

(44d) *bertahan lama*

(44e) *tersusun rapi*

Berdasarkan kepada contoh ini, kata sifat mengisi gatra penerang kerja dan sama seperti fungsi penerang nama, kata sifat yang hadir merupakan kata tunggal dan lazimnya kata sifat ini terdiri daripada kata dasar. Dalam data korpus yang dikaji ini, tidak terdapat kata sifat terbitan yang berfungsi sebagai penerang kerja. Apabila kata sifat mengisi gatra penerang kerja, maka kata sifat ini telah beralih daripada fungsi tipikalnya sebagai penerang nama kepada penerang kerja. Dalam fungsi ini kata sifat telah mengalami sesesaran, iaitu kata sifat telah beralih posisi daripada gatra penerang nama kepada gatra penerang kerja.

Perubahan fungsi atau posisi ini tidak mengubah golongan atau label bagi kata sifat kerana unsur pengisi bagi kedua-dua gatra itu masih sama, iaitu kata sifat. Walaupun dalam bahasa Inggeris, unsur pengisi yang mengisi gatra penerang kerja digolongkan sebagai kata adverba, tetapi dalam kajian ini golongan kata yang dimuatkan di dalam gatra penerang kerja dianggap sebagai kata sifat dan bukan kata adverba. Dapatan kajian ini bertepatan dengan dapatan atau gagasan yang dikemukakan oleh Knowles dan Zuraidah Mohd. Don (2008: 44-46).

Pertama, jika dibandingkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dari sudut morfologi, kata adverba bahasa Inggeris, contohnya *softly*, terbentuk daripada kata sifat (*soft*) yang bergabung dengan imbuhan akhiran *-ly*, (*soft* + *-ly* = *softly*). Kata sifat *soft* dalam frasa *soft texture* berfungsi sebagai penerang nama, tetapi apabila kata sifat ini berubah menjadi kata adverba perkataan ini tidak lagi berfungsi sebagai penerang nama, tetapi berfungsi sebagai penerang kerja, contohnya seperti *laughed softly*. Contoh-contoh kata adverba lain yang terbentuk daripada kata sifat adalah seperti *loud* + *-ly* = *loudly* dan *generous* + *-ly* = *generously*. Kata terbitan dengan imbuhan *-ly* ini lazimnya mengisi gatra adverba, walaupun tidak semua kata adverba mempunyai akhiran *-ly*, tetapi dalam bahasa Inggeris bentuk *-ly* sering kali dikaitkan dengan kata adverba. Hal ini berbeza dengan bahasa Melayu kerana tidak ada imbuhan tertentu bagi menggolongkan kata sifat (contohnya *kecil*, *awal*, *besar*, *lama* dan *rapi*) sebagai kata adverba apabila perkataan ini menerangkan kata kerja; walaupun setiap golongan kata dalam bahasa Melayu (kata nama, kata kerja atau kata sifat) mempunyai imbuhan yang tersendiri bagi mencirikan golongannya. Oleh itu, dari sudut morfologi, dalam bahasa Melayu tidak jelas aspek pengimbuhan bagi menggolongkan kata yang berfungsi sebagai penerang kerja sebagai kata adverba.

Kedua, kata adverba *softly*, *loudly* dan *generously* ini tidak boleh dimuatkan ke dalam gatra yang diisi oleh kata sifat, misalnya menjadi unsur pengisi bagi gatra penerang nama seperti **softly texture*, **loudly sneeze* dan **generously actor*. Oleh sebab kata adverba hadir dalam gatra yang tersendiri, iaitu gatra adverba, contohnya seperti frasa *groaning softly*, *laughed loudly* dan *generously funded*, maka kata yang menerangkan kata kerja digolongkan sebagai

kata adverba dan sebaliknya kata yang menerangkan nama digolongkan sebagai kata sifat. Walau bagaimanapun, aspek ini berbeza dengan bahasa Melayu, iaitu perkataan yang mengisi gatra selepas gatra kerja ini tetap dianggap sebagai kata sifat dan bukan kata adverba kerana perkataan yang sama turut mengisi gatra yang diisi oleh kata sifat. Oleh itu, anggapan bahawa perkataan ini mempunyai golongan kata yang lain dianggap kurang tepat. Berdasarkan kepada contoh (44a-44e) di atas, perkataan *kecil*, *awal*, *besar*, *lama* dan *rapi* yang mengisi gatra penerang kerja, daripada data yang diteliti didapati perkataan ini turut mengisi gatra penerang nama yang merupakan gatra tipikal bagi kata sifat.

Contoh:

(45a) *jamuan kecil*

(45b) *tugas awal*

(45c) *talam besar*

(45d) *pantun lama*

(45e) *kawalan rapi*

Contoh ini menunjukkan bahawa golongan kata yang hadir sebagai unsur pengisi bagi gatra penerang nama dan penerang kerja ini adalah sama, iaitu kata sifat. Pelabelan lain kepada kata yang hadir dalam fungsi penerang kerja ini adalah tidak relevan kerana label tersebut tidak memberikan sebarang maklumat tambahan yang signifikan. Perkataan yang dirujuk ini masih merupakan kata sifat dan yang berbeza hanyalah fungsinya, iaitu satu daripada fungsinya adalah sebagai penerang nama dan satu lagi berfungsi sebagai penerang kerja. Dalam kajian golongan kata, sesuatu golongan boleh menjalankan fungsi yang berbeza dan fungsi yang sama boleh dijalankan oleh golongan kata yang berbeza. Hal

yang sama berlaku terhadap kata sifat bahasa Melayu, golongan kata ini bukan sahaja berfungsi sebagai penerang kepada kata nama, tetapi boleh juga berfungsi sebagai penerang kerja.

Ketiga, apabila menjelaskan gatra penerang kerja, perlu dijelaskan menerusi unsur pengisi terlebih dahulu berbanding gatranya, iaitu kata adverba sebagai unsur pengisi bagi gatra penerang kerja dalam bahasa Inggeris dan dalam bahasa Melayu, kata sifat kerja mengisi gatra ini. Hal ini disebabkan sesuatu gatra boleh diisi oleh golongan kata yang berbeza. Jika penjelasan gatra penerang kerja dimulakan dari sudut gatra berbanding golongan kata yang menjadi unsur pengisinya (iaitu penjelasan yang berasaskan kepada bahasa Inggeris), maka bagi gatra penerang kerja, unsur pengisinya ialah kata adverba dan aspek ini secara tidak langsung telah menjelaskan bahawa dalam bahasa-bahasa lain termasuk bahasa Melayu, gatra penerang kerja hanya diisi oleh kata adverba dan bukan golongan kata yang lain. Sebenarnya, gatra dan unsur pengisi merupakan dua aspek yang berbeza. Penerang kata kerja merupakan nama atau label bagi gatra, manakala kata sifat kerja dan kata adverba merupakan nama atau label golongan kata yang menjadi unsur pengisi gatra penerang kerja. Timbul kekeliruan dalam menentukan golongan kata yang menjadi unsur pengisi apabila gatra dianggap sama dengan unsur pengisi, iaitu penerang kerja ialah kata adverba dan kata adverba ialah penerang kerja.

Keempat, golongan kata juga tidak boleh diterjemahkan daripada satu bahasa kepada bahasa lain. Dalam bahasa Melayu, frasa *berjalan cepat* boleh diterjemahkan kepada bahasa Inggeris sebagai *walk quickly* dan terjemahan ini

berdasarkan makna yang didukungnya. Apabila diterjemahkan, maka perkataan *cepat* yang tergolong dalam kata sifat adalah sepadan dengan *quickly* yang tergolong dalam kata adverba. Jika terjemahan dijadikan asas penentuan golongan kata, maka timbul anggapan bahawa bahasa Melayu adalah sepadan dengan bahasa Inggeris, iaitu *cepat* yang merupakan penerang kepada kata kerja tergolong dalam kata adverba. Bagaimanapun, aspek terjemahan ini tidak boleh dijadikan penentu golongan kata sesuatu bahasa kerana setiap bahasa mempunyai sistemnya yang tersendiri. Bahkan, golongan kata merupakan asas tatabahasa kerana frasa, klausa dan ayat dibentuk oleh susunan golongan kata. Aspek-aspek ini menyebabkan kajian ini menganggap bahawa dalam fungsi penerang, sama ada penerang kepada kata nama atau kata kerja, jika unsur pengisinya terdiri daripada perkataan seperti *kecil, awal, besar, lama, rapi* atau *cepat*, maka gatra penerang terdiri daripada golongan kata sifat dan bukan kata adverba.

Dalam fungsi penerang ini, posisi kata sifat lazimnya selepas kata kerja inti, iaitu posisi yang sama apabila kata sifat menjadi penerang kata nama. Bagaimanapun berdasarkan data, didapati bahawa kata sifat juga boleh mendahului kata kerja yang diterangkannya.

Contoh:

(46) *kuat bekerja*

(47) *cepat bertindak*

Daripada contoh (46) dan (47) di atas, kata sifat yang menjadi penerang hadir sebelum kata kerja inti. Disebabkan penerang bertujuan untuk memperincikan lagi kata inti yang diterangkannya, maka kata sifat yang berfungsi

sebagai penerang ini juga boleh mendahului kata kerja. Perbezaan dalam posisi kata sifat ini hanyalah sebagai penekanan atau fokus dalam waktu komunikasi berlaku.

Contoh:

(46a) *“Kak Leha workaholic, bukan sahaja kuat bekerja, tetapi seronok membuat kerja, sampai ke pagi”.*

(46b) *“Kak Leha workaholic, bukan sahaja bekerja kuat, tetapi seronok membuat kerja, sampai ke pagi”.*

(47a) *Zaleha cepat bertindak dengan menubuhkan MAPEMS bagi kawasan parlimen Gombak.*

(47b) *Zaleha bertindak cepat dengan menubuhkan MAPEMS bagi kawasan parlimen Gombak.*

Kedua-dua posisi, iaitu kehadiran kata sifat sebelum atau selepas kata kerja inti tidak mengganggu kegramatisan ayat tersebut, tetapi hanya membezakan fokus yang ingin ditekankan dalam sesebuah komunikasi. Walau bagaimanapun, tidak semua kata sifat yang berfungsi sebagai penerang kerja inti ini boleh mendahului kata kerja.

Contohnya:

(48a) *Apabila berbual, beliau akan menyulam cerita-ceritanya dengan hal-hal lucu berkenaan dirinya sendiri dan turut ketawa kecil.*

(48b) **Apabila berbual, beliau akan menyulam cerita-ceritanya dengan hal-hal lucu berkenaan dirinya sendiri dan turut kecil ketawa.*

(49a) *Kedua-dua anak muda ini terkejut besar dan tidak percaya bahawa orang yang dinista selama kini sanggup menerima mereka semula.*

(49b) **Kedua-dua anak muda ini besar terkejut dan tidak percaya bahawa orang yang dinista selama kini sanggup menerima mereka semula.*

Ayat (48b dan 49b) menjadi tidak gramatis apabila penerang kerja ini mendahului kata kerja inti. Hal ini dengan jelas menunjukkan bahawa dalam fungsi penerang posisi kata sifat lazimnya selepas kata kerja inti, tetapi dalam keadaan penekanan atau fokus ingin diberikan kepada penerang, maka kata sifat yang berfungsi sebagai penerang boleh mendahului kata kerja inti. Bagaimanapun dalam data korpus ini, terdapat satu contoh kata sifat, iaitu perkataan *cepat* yang menjadi penerang kepada kata kerja hanya mengisi gatra sebelum kata kerja inti dan kehadiran selepas kata kerja inti memperlihatkan bentuk yang tidak gramatis.

Contoh:

(50a). *Beliau cepat menangis apabila tinggi sahaja suara bapanya.*

(50b). *Mereka cepat belajar bahawa ibu tidak dapat berada di samping mereka, untuk membimbing mereka sepanjang masa.*

Dalam contoh ini, kata sifat *cepat* perlu mendahului kata kerja *menangis* dan *belajar*. Hal ini menunjukkan bahawa bagi kata sifat dalam subgolongan kecepatan, kata ini lazimnya mendahului kata inti yang diterangkannya.

5.4 Penentuan Kata Sifat

Seperti yang telah dinyatakan dalam bahagian 5.2 di atas, dalam menjalankan fungsi sebagai penerang nama, bukan kata sifat sahaja yang mengisi gatra penerang (51a dan 52a), tetapi kata nama (51b dan 52b) dan kata kerja (51c dan 52c) turut menjadi unsur pengisi dalam gatra yang sama.

Contoh:

(51a) *guru biasa*

(51b) *guru muzik*

(51c) *guru berijazah*

(52a) *makanan ringan*

(52b) *makanan kampung*

(52c) *makanan berzat*

Oleh itu, bagi mengenal pasti kata sifat, maka kata sifat ini perlu dibezakan daripada kata nama dan kata kerja. Hal ini disebabkan untuk mengenal pasti kata sifat, selain daripada mengenali ciri-ciri yang dimilikinya, golongan kata yang lain yang turut menjalankan fungsi yang sama seperti kata sifat perlu dibezakan daripada kata sifat bagi membolehkan kata sifat ditentukan dengan tepat golongan katanya. Oleh itu, dalam bahagian yang berikut ini, dalam fungsi penerang, kata sifat perlu dibezakan daripada kata nama dan kata kerja.

5.4.1 Perbandingan Kata Sifat dengan Kata Nama

Penentuan golongan kata dalam kajian ini adalah berdasarkan aspek gatra dan unsur pengisi, aspek morfologi dan aspek sintaktik. Seperti yang dijelaskan dalam bahagian sebelum ini, salah satu ciri kata sifat ialah kata ini merupakan unsur pengisi bagi gatra penerang nama. Lazimnya kata sifat yang menerangkan kata nama terdiri daripada kata dasar. Walau bagaimanapun, daripada data, kata nama juga mengisi gatra penerang nama dan lazimnya kata nama ini juga terdiri daripada kata dasar. Jadual 5.8 di bawah menunjukkan sepuluh contoh kata sifat dan kata nama yang dikaji yang terdiri daripada kata dasar yang menjadi penerang kepada kata nama yang sama:

Jadual 5.8
Perbandingan
Kata Sifat Dasar dan Kata Nama Dasar Sebagai Penerang

KATA SIFAT SEBAGAI PENERANG		KATA NAMA SEBAGAI PENERANG	
Kata Nama Inti	Kata Sifat	Kata Nama Inti	Kata Nama
penyokong	<i>setia</i>	penyokong	<i>politik</i>
buku	<i>kecil</i>	buku	<i>nota</i>
pekerja	<i>muda</i>	pekerja	<i>kilang</i>
bangunan	<i>besar</i>	bangunan	<i>hospital</i>
ruang	<i>sempit</i>	ruang	<i>dapur</i>
Bberita	<i>baik</i>	berita	<i>akhbar</i>
kain	<i>besar</i>	kain	<i>pelekat</i>
teman	<i>rapat</i>	teman	<i>wanita</i>
gadis	<i>ayu</i>	gadis	<i>bandar</i>
sejarah	<i>lama</i>	sejarah	<i>negara</i>

Berdasarkan kepada contoh di atas yang diambil daripada data korpus yang dikaji, kata nama yang diterangkan, iaitu kata yang mengisi gatra nama inti merupakan perkataan yang sama dan yang membezakan kedua-dua frasa nama ini ialah golongan kata yang mengisi gatra penerang. Dalam Jadual 5.8 ini, kolum di sebelah kiri terdiri daripada kata sifat sebagai unsur pengisi bagi gatra penerang, manakala kolum di sebelah kanan kata nama menjadi unsur pengisi bagi gatra penerang. Oleh itu, bagi membezakan kedua-dua golongan kata yang mengisi gatra penerang ini, maka aspek sintaktik dan morfologi digunakan. Berdasarkan kedua-dua aspek ini, ujian dilakukan kepada kedua-dua golongan kata bagi menentukan golongannya.

5.4.1.1 Sintaktik

Dalam fungsi penerang ini, kata sifat yang mengisi gatra penerang boleh dibezakan daripada kata nama berdasarkan kepada ciri-ciri morfosintaktik dan morfologi. Dari segi morfosintaktik, kata sifat yang hadir sebagai penerang boleh didahului oleh kata penghubung relatif *yang*, penanda intensiti/ penanda perbandingan/ penanda aspek atau modalitas. Hal ini tidak terdapat bagi golongan kata nama.

Berdasarkan Jadual 5.8, kata sifat yang berfungsi sebagai penerang ini boleh didahului oleh kata hubung relatif *yang*.

Contoh:

- | | |
|--|---------------------------------------|
| (53a) <i>penyokong <u>yang setia</u></i> | (53f) <i>berita <u>yang baik</u></i> |
| (53b) <i>buku <u>yang kecil</u></i> | (53g) <i>kain <u>yang besar</u></i> |
| (53c) <i>pekerja <u>yang muda</u></i> | (53h) <i>teman <u>yang rapat</u></i> |
| (53d) <i>bangunan <u>yang besar</u></i> | (53i) <i>gadis <u>yang ayu</u></i> |
| (53e) <i>ruang <u>yang sempit</u></i> | (53j) <i>sejarah <u>yang lama</u></i> |

Bagaimanapun, bagi kata nama yang menjadi unsur penerang lazimnya kata nama ini tidak boleh didahului oleh kata hubung *yang*. Berdasarkan kepada Jadual 5.8 ini, yang berikut merupakan contoh apabila kata hubung *yang* diletakkan dalam gatra penerang, maka frasa yang terhasil adalah tidak gramatis.

Contoh :

- | | |
|---|--|
| (54a) <i>*penyokong <u>yang politik</u></i> | (54f) <i>*berita <u>yang akhbar</u></i> |
| (54b) <i>*buku <u>yang nota</u></i> | (54g) <i>*kain <u>yang pelekat</u></i> |
| (54c) <i>*pekerja <u>yang kilang</u></i> | (54h) <i>*teman <u>yang wanita</u></i> |
| (54d) <i>*bangunan <u>yang hospital</u></i> | (54i) <i>*gadis <u>yang bandar</u></i> |
| (54e) <i>*ruang <u>yang dapur</u></i> | (54j) <i>*sejarah <u>yang negara</u></i> |

Berdasarkan kepada contoh ini, jelas menunjukkan bahawa unsur pengisi yang menduduki gatra penerang merupakan dua golongan kata yang berbeza kerana hanya unsur pengisi pada kolum kanan (Jadual 5.8) yang boleh menerima kata hubung relatif *yang*, manakala unsur pengisi pada kolum kiri tidak. Penerang yang boleh didahului oleh kata hubung relatif ini digolongkan sebagai kata sifat, manakala yang tidak boleh diselitkan sebarang unsur di antaranya digolongkan sebagai kata nama. Hal ini menjelaskan bahawa dalam fungsi penerang,

keterikatan antara kata nama inti dengan kata sifat agak longgar atau kurang utuh berbanding keterikatan antara kata nama inti dengan penerang kata nama. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa dalam fungsi penerang kata nama inti dan penerang nama merupakan satu entiti yang kukuh dan boleh dianggap sebagai satu unit, manakala kata nama inti dengan penerang sifat merupakan unit yang longgar, iaitu kata hubung relatif *yang* boleh diletakkan di antaranya. Keterikatan atau keutuhan antara kata nama inti dengan unsur penerang ini yang membezakan kedua-dua golongan kata ini walaupun hadir dalam posisi yang sama.

Di samping itu, kehadiran *yang* dalam sesuatu frasa atau klausa juga ditentukan oleh aspek semantik. Menurut Asmah Hj. Omar (1993b:201) kata hubung *yang* ini digunakan untuk memberikan penjelasan lanjut terhadap kata nama atau frasa nama. Dengan erti kata yang lain, *yang* digunakan apabila isi semantik yang lebih penuh diperlukan (Azhar Simin, 1993:224-5). Oleh itu, kehadiran *yang* digunakan untuk mengenal pasti sesuatu kata atau frasa nama dengan lebih jelas. Bagi penerang yang terdiri daripada golongan kata sifat, kata hubung *yang* boleh menjelaskan sifat kata nama inti yang diterangkannya. Contohnya *gadis yang ayu* dapat menegaskan ciri-ciri kecantikan seseorang gadis berbanding *gadis ayu* kerana keopsyenalan *yang* ini berkaitan dengan kualiti atribut, iaitu salah satu ciri kualiti atribut ialah ketentuan (*definiteness*).

Bagaimanapun, jika unsur pengisi bagi gatra penerang terdiri daripada kata nama, kata hubung *yang* tidak diletakkan di dalam gatra penerang kerana dari sudut makna, kata nama adalah untuk menamakan sesuatu dan penamaan terhadap sesuatu benda atau perkara adalah jelas sifatnya berbanding kata sifat yang lebih

abstrak. Kata nama yang berfungsi sebagai penerang telah mengkhususkan kata nama inti, iaitu hanya menerangkan kata nama itu sahaja dan tidak yang lain. Contohnya *gadis bandar* hanya merujuk *gadis* dari bandar dan tidak gadis-gadis lain (contohnya *gadis kampung*, *gadis kilang* dan sebagainya). Oleh itu *yang* tidak diperlukan bagi pola kata nama inti + kata nama.

Selain daripada kehadiran *yang*, unsur pengisi yang terdiri daripada kata sifat juga boleh menerima penanda intensiti dan penanda perbandingan kerana kedua-dua penanda ini merupakan ciri penentu bagi kata sifat. Bagaimanapun, seperti yang dinyatakan sebelum ini, kehadiran kedua-dua penanda ini perlulah disertai dengan kehadiran kata hubung *yang*. Berdasarkan Jadual 5.8 di atas, yang berikut ditunjukkan kehadiran kata hubung *yang*, penanda intensiti dan penanda perbandingan dalam gatra penerang.

Contoh:

- | | |
|---|--|
| (55a) <i>penyokong <u>yang amat setia</u></i> | (55f) <i>berita <u>yang sangat baik</u></i> |
| (55b) <i>buku <u>yang agak kecil</u></i> | (55g) <i>kain <u>yang kurang besar</u></i> |
| (55c) <i>pekerja <u>yang lebih muda</u></i> | (55h) <i>teman <u>yang sungguh rapat</u></i> |
| (55d) <i>bangunan <u>yang amat besar</u></i> | (55i) <i>gadis <u>yang paling ayu</u></i> |
| (55e) <i>ruang <u>yang terlalu sempit</u></i> | (55j) <i>sejarah <u>yang lebih lama</u></i> |

Bagaimanapun, bagi penerang kata nama selain kata hubung *yang*, penanda intensiti dan penanda perbandingan juga tidak boleh hadir dalam gatra penerang. Hal ini disebabkan pola kata nama inti + penerang nama merupakan satu unit yang kukuh. Jika diletakkan, maka frasa nama yang terhasil adalah tidak

gramatis. Oleh itu, kata nama penerang tidak boleh menerima sebarang unsur di hadapannya termasuklah penanda perbandingan atau intensiti.

5.4.1.2 Morfologi

Dari sudut morfologi, imbuhan *se-* dan *ter-* boleh dijadikan penguji dalam menentukan golongan kata sifat (lihat 4.4). Oleh itu, bagi kata sifat dasar dan kata nama dasar yang hadir dalam gatra penerang nama, maka ujian *se-* dan *ter-* boleh digunakan. Berdasarkan kepada Jadual 5.1, hanya perkataan dalam kolum kedua yang boleh diimbuhkan dengan awalan *se-* dan *ter-* bagi membentuk kata sifat terbitan, iaitu *sesetia*, *se-/terkecil*, *se-/termuda*, *se-/terbesar*, *se-/tersempit*, *se-/terbaik*, *se-/terbesar*, *se-/terapat*, *se-/terayu* dan *se-/terlama*, tetapi tidak bagi perkataan **se-/terpolitik*, **se-/ternota*, **terkilang*, *terhospital*, **terdapur*, **terakhbar*, **terpelekat*, **terwanita*, **terbandar* dan **negara*. Walaupun dalam data korpus yang diteliti ini awalan *se-* boleh diimbuhkan dengan kata nama tempat seperti *kilang*, *hospital*, *dapur*, *bandar* dan *negara*, tetapi dari segi makna kata terbitan yang terhasil ini tidak membawa maksud superlatif atau bandingan, melainkan membawa maksud satu tempat yang sama. Hal ini dengan jelas menunjukkan bahawa perkataan yang terdapat dalam kolum kedua Jadual 5.8 ini merupakan kata sifat, manakala kolum keempat bukan kata sifat.

Dari segi bentuk kata pula, hanya sebilangan kecil sahaja kata sifat terbitan yang hadir dalam gatra penerang. Seperti yang dinyatakan dalam bahagian 4.4, kata sifat boleh dikenali berdasarkan imbuhan awalan *se-*, *teR-*, dan *peN-*.

Bagaimanapun, dalam fungsi penerang imbuhan kata sifat terbitan berawalan *teR-* dan *peN-* sahaja yang boleh mengisi gatra penerang, manakala imbuhan *se-* hadir dalam gatra predikat. Bagi awalan *teR-* pula, lazimnya perkataan dengan awalan ini merupakan kata kerja, manakala awalan *pe-/peN-* merupakan kata nama. Bagaimanapun, pertimbangan ini hanya mengambil kira perkataan tersebut secara individu, iaitu tanpa menimbangkan perkataan lain yang hadir bersama-samanya dalam sesebuah teks dan disebabkan kajian ini berasaskan data korpus, maka pertimbangan dari segi kehadirannya bersama-sama perkataan lain dalam sesuatu gatra perlu diambil kira.

Dari sudut imbuhan bahasa Melayu, imbuhan *peN-* lazimnya dikaitkan dengan golongan kata nama (lihat Nik Safiah Karim et al., 1995: 108 dan Asmah Hj. Omar, 1993b: 52-54). Seperti yang dinyatakan dalam bahagian 5.2.1, kata sifat terbitan berawalan *peN-* yang mengisi gatra penerang dalam data yang dikaji hanyalah terdiri daripada perkataan *pemalu*, *pemurah*, *pengasih*, *penyayang*, *penyabar*, *peramah* dan *periang*. Perbezaan antara kata sifat terbitan dengan kata nama terbitan yang kedua-duanya berawalan *peN-* agak jelas. Kata sifat terbitan lazimnya terbentuk daripada kata dasar yang juga merupakan kata sifat, manakala kata dasar bagi kata nama terbitan terdiri daripada kata nama, kata kerja dan sebilangan kecil kata sifat. Jadual 5.9 yang berikut menunjukkan perbandingan antara kata sifat terbitan berawalan *peN-* dengan kata nama terbitan dengan awalan *peN-* dan apitan *peN-...-an*.

Bagi kata nama terbitan yang kata dasarnya terdiri daripada kata sifat, kata ini boleh dibezakan daripada kata nama terbitan apabila diuji menerusi ciri-ciri

morfosintaktik. Hal ini disebabkan daripada data korpus kebanyakan kata nama yang menjadi penerang terdiri daripada imbuhan apitan *peN-...-an*, tetapi kata sifat terbitan terdiri daripada imbuhan awalan *peN-* sahaja.

Jadual 5.9
Perbandingan
Kata Sifat Terbitan dan Kata Nama Terbitan Sebagai Penerang

KS SEBAGAI PENERANG		KN SEBAGAI PENERANG	
KATA NAMA INTI	FRASA/ KATA SIFAT	KATA NAMA INTI	KATA NAMA
sifat	pemurah	doktor	pelatih
ibu	yang pengasih	isteri	pembesar
ibu	penyayang	peranan	pemimpin
perwatakan	yang peramah	tenaga	pengajar
orang	yang periang	kawasan	pedalaman
seorang	yang pemalu	cara	penyelesaian

Berdasarkan kepada contoh-contoh ini jelas menunjukkan bahawa kata terbitan di kolom kiri merupakan kata sifat kerana kata terbitan berawalan *pe-/peN-* ini memenuhi ciri-ciri kata sifat (lihat 5.2.1). Bahkan jika kata sifat terbitan ini diuji dengan ciri-ciri kata nama, bentuk yang terhasil tidak lagi gramatis. Antara ciri utama kata nama ialah kata ini merupakan inti dalam frasa nama, boleh didahului oleh kata bilangan dan penjodoh bilangan, boleh menjadi objek selepas kata kerja transitif dan boleh dipasifkan. Oleh itu, bagi menjelaskan perbezaan antara kata sifat terbitan dengan kata nama terbitan, maka contoh yang berikut diambil daripada data korpus. Contoh ini bertujuan untuk menunjukkan perbezaan antara kata sifat terbitan dan kata nama terbitan apabila kata dasar yang terdiri daripada kata sifat diimbuhkan dengan awalan *peN-*, kata yang terbentuk ialah

kata nama dan kriteria kata nama ini adalah berbeza daripada kriteria kata sifat terbitan.

Contoh:

(56a) *Fatimah bersama beberapa orang pembesar UMNO, berkunjung ke rumah beliau di Parit.*

(56b) *Rakannya menganggap Mahathir sebagai pemuda yang telah mencapai kematangan lebih awal daripada rakan sebaya yang lain.*

Berdasarkan contoh (56a) ini, dalam frasa nama *beberapa orang pembesar UMNO*, kata inti ialah *pembesar* dan kata inti ini boleh menerima unsur penerang yang juga merupakan kata nama, iaitu *UMNO*. Kemampuan untuk perkataan *pembesar* menjadi kata inti dalam frasa nama menjelaskan golongannya. Kata inti dan penerang ini boleh didahului oleh kata bilangan dan penjodoh bilangan *beberapa orang*. Disebabkan *pembesar* merupakan kata inti, maka unsur penerang boleh digugurkan dan ayat yang terhasil masih gramatis, contohnya *Fatimah bersama pembesar berkunjung ke rumah beliau di Parit*. Contoh (56b) turut menunjukkan bahawa perkataan *pemuda* yang merupakan kata nama inti boleh berdiri sendiri tanpa unsur penerang yang lain dalam frasa nama. Contoh ini berbeza dengan kata sifat terbitan dengan awalan *pe-/peN-* seperti *penyayang* atau *peramah* kerana kedua-dua ini tidak boleh didahului oleh kata bilangan dan penjodoh bilangan seperti **beberapa orang penyayang* atau **beberapa orang peramah* dan kata ini juga tidak boleh menjadi inti kepada frasa nama seperti **Fatimah bersama penyayang /peramah berkunjung ke rumah beliau di Parit*. Ini menunjukkan bahawa kata terbitan yang terbentuk daripada kata dasar dan

imbuan awalan yang sama merupakan golongan kata yang berbeza apabila kata tersebut diteliti sudut sintaktiknya, berbanding meneliti kata itu secara sendirian.

Berdasarkan kepada jadual ini, perbezaan antara unsur penerang yang terdiri daripada kata nama dan kata sifat dapat dibezakan dengan mudah kerana kata sifat boleh didahului oleh kata hubung *yang* dan penanda intensiti seperti *agak*, *sangat* dan *sungguh*, manakala kata nama tidak. Di samping itu, kata nama, khususnya kata nama konkrit lazimnya boleh didahului oleh kata bilangan dan penjodoh bilangan seperti *sekumpulan pelatih*, *lima orang pembesar* atau *sejumlah penduduk*, tetapi kata sifat tidak mempunyai ciri-ciri ini. Oleh itu, tidak wujud frasa **sekumpulan pengasih*, **lima orang pemurah* atau **sekelompok penyayang*. Ciri ini boleh membezakan kata sifat dan kata nama yang mengisi gatra penerang.

5.4.2 Perbandingan Kata Sifat dengan Kata Kerja

Bagi membezakan kata sifat dengan kata kerja, aspek morfologi dan sintaktik turut digunakan. Berdasarkan kajian ini, didapati bahawa kata sifat dan kata kerja amat sukar dibezakan, khususnya dari sudut sintaktik kerana dalam menjalankan fungsi penerang, kedua-dua golongan kata ini mempunyai pola yang hampir sama. Kata sifat dan kata kerja kedua-duanya boleh didahului oleh kata hubung relatif *yang*, penanda intensiti / penanda perbandingan / penanda aspek atau modalitas. Oleh itu, bagi meneliti perbezaan antara kata sifat dan kata kerja, aspek sintaktik diteliti dari segi frekuensinya, manakala dari sudut morfologi

aspek yang diteliti adalah dari segi bentuknya, iaitu bentuk dasar dan bentuk terbitan setiap golongan kata.

5.4.2.1 Sintaktik

Dari sudut sintaktik, terdapat persamaan yang agak rapat antara kata sifat dengan kata kerja kerana kedua-dua golongan ini boleh didahului oleh kata hubung relatif *yang*, penanda intensiti, penanda perbandingan dan penanda aspek serta modalitas. Oleh itu, kehadiran kata sifat dan kata kerja bersama-sama unsur lain dalam gatra penerang ini pada umumnya memperlihatkan pola yang hampir sama. Aspek yang berbeza dapat diteliti dari segi frekuensi kehadiran penanda intensiti / penanda perbandingan dan penanda aspek atau modalitas dalam gatra penerang, iaitu penanda intensiti / penanda perbandingan lazimnya hadir bersama-sama kata sifat berbanding kata kerja, manakala penanda aspek dan modalitas lebih lazim hadir bersama-sama kata kerja berbanding kata sifat (lihat 5.2.3.4). Perbezaan frekuensi dalam kehadiran penanda intensiti, penanda perbandingan, penanda aspek dan modalitas ini dijelaskan dalam Jadual 5.10 berikut:

Jadual 5.10

Perbandingan Frekuensi Kehadiran Kata Sifat dan Kata Kerja dengan Penanda Intensiti / Penanda Bandingan dan Penanda Aspek/Modalitas

Pola	Bilangan	Peratus
KN + PIntensiti/PBandingan + KS	250	70
KN + PIntensiti/PBandingan + KK	107	30
KN + Penanda Aspek + KS	16	7
KN + Penanda Aspek + KK	218	93
KN + Penanda Modalitas + KS	1	1
KN + Penanda Modalitas + KK	91	99

Berdasarkan kepada Jadual 5.10 ini, didapati bahawa 70 peratus daripada kata sifat boleh berasosiasi dengan penanda intensiti / penanda perbandingan, manakala kata kerja hanya 30 peratus. Peratusan ini menjelaskan bahawa penanda intensiti dan penanda perbandingan lebih lazim hadir bersama-sama kata sifat berbanding kata kerja. Didapati, penanda intensiti dan penanda perbandingan dapat berasosiasi dengan pelbagai jenis kata sifat berbanding kata kerja kerana kata sifat merupakan golongan kata yang mempunyai skala darjah kesangatan dan boleh diperbandingkan.

Bagi penanda aspek dan modalitas (contohnya: *masih, sudah, telah, belum, mungkin, hendak, boleh, mahu*), didapati kedua-dua jenis penanda ini lebih tinggi frekuensi kehadirannya dengan kata kerja berbanding kata sifat. Dalam jadual ini, 93 peratus penanda aspek hadir bersama-sama kata kerja, manakala 7 peratus sahaja yang hadir bersama-sama kata sifat. Bagi penanda modalitas pula, 99 peratus hadir bersama-sama kata kerja, manakala 1 peratus sahaja yang hadir bersama-sama kata sifat. Jadual ini juga menjelaskan bahawa hanya satu sahaja

penanda modalitas yang hadir bersama-sama kata sifat. Hal ini disebabkan dari segi makna, penanda modalitas merupakan perkataan yang mengutamakan tujuan atau niat. Oleh itu, kehadirannya bersama-sama kata sifat adalah tidak lazim atau amat jarang sekali berbanding kata kerja.

Bagi penanda aspek yang hadir bersama-sama kata sifat, perkataan ini tidak boleh hadir dengan semua jenis kata sifat, tetapi hanya hadir bersama-sama kata sifat yang mendukung maksud waktu atau menunjukkan perubahan sifat. Hal ini menunjukkan bahawa penanda aspek bukan sahaja menjadi penanda waktu bagi kata kerja, tetapi boleh juga menjadi penanda bagi kata sifat yang mempunyai ciri-ciri perubahan keadaan seperti perubahan dari segi sifat, saiz, usia, dan bentuk. Perubahan ini berlaku akibat daripada perubahan masa, contohnya perkataan *tua*, *kecil*, *lama* dan *muda* berubah sifat/ciri fizikalnya disebabkan tempoh waktu yang dialaminya. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan kata kerja, perubahan waktu bagi kata sifat ini adalah lebih lama, iaitu dari segi kedinamikannya kata sifat ini lebih lambat perubahannya daripada kata kerja. Jadual 5.11 yang berikut menunjukkan perbandingan antara kata sifat dan kata kerja yang didahului oleh penanda aspek atau modalitas.

Jadual 5.11
Perbandingan
Pola KN + yang + Penanda Aspek/Modalitas + Kata Sifat /Kata Kerja

Kata Sifat Sebagai Penerang		Kata Kerja Sebagai Penerang	
KN Inti	Frasa/Kata Sifat	KN Inti	Frasa/Kata Kerja
wanita	yang <i>masih</i> muda	pengalaman	yang <i>masih</i> diingati
-	-	kesihatan	yang <i>mula</i> terganggu
-	-	perkara	yang <i>belum</i> pernah berlaku
-	-	gaji	yang <i>akan</i> diterima
-	-	negara	yang <i>sedang</i> membangun
bangunan	yang <i>sudah</i> tua	lelaki	yang <i>sudah</i> berkeluarga
-	-	kegiatan	yang <i>pernah</i> dijalankan
mereka	yang <i>telah</i> tua	keputusan	yang <i>telah</i> dibuat
-	-	tugas	yang <i>hendak</i> dilakukan
-	-	penerangan	yang <i>mahu</i> disampaikan
-	-	orang	yang <i>boleh</i> dipercayai
-	-	maklumat	yang <i>mesti</i> dinyatakan
-	-	reaksi	yang <i>dapat</i> dilihat
-	-	ciri-ciri	yang <i>harus</i> ada
pengikut	yang <i>mungkin</i> kurang sedar	implikasi	yang <i>mungkin</i> timbul
-	-	sesuatu	yang <i>enggan</i> diperkatakan
-	-	kawasan	yang <i>perlu</i> dibangunkan

Berdasarkan Jadual 5.11 ini, kata kerja yang menjadi penerang dapat dibezakan daripada kata sifat kerana hampir semua penanda aspek atau modalitas yang terdapat dalam data yang diteliti hadir bersama-sama kata kerja berbanding kata sifat. Hal ini menunjukkan bahawa penanda aspek dan modalitas,

terutamanya penanda modalitas lazimnya hadir bersama-sama kata kerja, tetapi agak kurang berasosiasi dengan kata sifat dalam gatra penerang.

5.4.2.2 Morfologi

Berbanding kriteria sintaktik, kriteria morfologi didapati lebih jelas untuk membezakan kata sifat dengan kata kerja. Hal ini dapat dilihat dari segi kekerapan bentuk kata bagi setiap golongan apabila menjadi unsur pengisi dalam gatra penerang. Lazimnya, kata sifat yang berfungsi sebagai penerang terdiri daripada kata dasar dan hanya sebilangan kecil yang merupakan kata terbitan, manakala bagi kata kerja sebahagian besar daripadanya merupakan kata terbitan dan sebilangan kecil sahaja yang terdiri daripada kata dasar (lihat Lampiran 5, 6 dan 10).

Bagi kata sifat dan kata kerja yang terdiri daripada kata dasar, khususnya dalam pola kata nama inti + kata sifat atau kata nama inti + kata kerja (lihat 5.2.1.1 dan 5.2.3.1), kedua-dua golongan kata ini boleh dibezakan dengan meletakkan kata hubung *yang* sebagai penguji.

Contoh:

Kata Nama + Kata Sifat Dasar

(57) pekan kecil

(57a) pekan yang kecil

(58) rakan baik

(58a) rakan yang baik

Kata Nama + Kata Kerja Dasar

(61) bilik tidur

(61a) * bilik yang tidur

(62) majlis makan

(62a) *majlis yang makan

(59) *panduan utama*

(63) *kain potong*

(59a) *panduan yang utama*

(63a) **kain yang potong*

(60) *surau tua*

(64) *upah panjang*

(60a) *surau yang tua*

(64a) **upah yang panjang*

Didapati hampir kesemua kata sifat dasar boleh diselitkan dengan kata hubung *yang* di antara kata sifat dan kata nama inti, tetapi tidak bagi kata kerja dasar. Justeru itu, kesimpulan yang boleh dibuat daripada penelitian ini ialah kata sifat dasar dan kata kerja dasar boleh dibezakan menerusi kehadiran *yang* dalam frasa penerang.

Bagi penerang yang terdiri daripada kata terbitan, seperti yang telah dijelaskan pada bahagian 5.2.1., kata sifat terbitan terdiri daripada imbuhan awalan *pe-/peN-* dan *teR-*, manakala kata kerja terbitan terdiri daripada perkataan berawalan *beR-*, *meN-*, *di-*, dan *teR-* (lihat 5.2.3). Hal ini bererti dalam fungsi penerang, kata sifat terbitan perlu dibezakan daripada kata kerja terbitan hanyalah dari segi perkataan berawalan *teR-* kerana awalan *beR-*, *meN-* dan *di-* dengan jelas merupakan imbuhan awalan kata kerja dan tidak merupakan kata sifat, manakala awalan *pe-/peN-* merupakan awalan kata sifat dan tidak bagi kata kerja.

Daripada data yang diteliti, dalam menjalankan fungsi penerang kepada kata nama inti, kata terbitan berawalan *teR-* lazimnya terdiri daripada golongan kata sifat berbanding kata kerja. Hal ini dapat dilihat dalam pola kata nama + kata sifat terbitan atau kata nama + kata kerja terbitan dan dalam pola kata nama +

yang + kata sifat terbitan atau kata nama + *yang* + kata kerja terbitan. Jadual 5.12 yang berikut merupakan beberapa contoh kata sifat terbitan dan kata kerja terbitan yang menjadi penerang.

Jadual 5.12
Perbandingan Awalan *teR*- Kata Sifat /Kata Kerja

Kata Sifat Terbitan		Kata Kerja Terbitan	
KN Inti	Kata Sifat	KN Inti	Kata Kerja
nafas	terakhir	masa	terbuang
golongan	teratas	keadaan	terkawal
murid	terbaik	bakat	terpendam
perbelanjaan	terbanyak	alasan	tersendiri
kaum	terbesar	rasa	tertekan
isteri	tercinta	peraturan	tersedia
unit	terkecil		
hotel	terkemuka		
wanita	ternama		
jawatan	tertinggi		

KN Inti	<i>Yang</i> + Kata Sifat	KN Inti	<i>Yang</i> + Kata Kerja
ujian	yang terakhir	cara	yang teratur
temu bual	yang terbaharu	jabatan	yang terbabit
keputusan	yang terbaik	peluang	yang terdampar
rekod	yang terbanyak	kesihatan	yang terganggu
perwakilan	yang terbesar	wang	yang terkumpul
peribadi	yang tercantik	bom	yang terlajak
negara	yang tercinta	bidang	yang terlarang
rekod	yang terdahulu	jururawat	yang terlatih
lingkaran	yang terdekat	kalangan	yang terpelajar
anak	yang terkecil	penuntut	yang terpilih
tokoh	yang terkemuka	bangsa	yang terpinggir
akta	yang terkenal	masalah	yang tertunggak

Kedua-dua golongan kata ini dibezakan berdasarkan kepada kata dasar yang membentuk kata terbitan tersebut. Jika diteliti dari sudut kata dasar, kata sifat terbitan berbeza daripada kata kerja terbitan kerana kata sifat berawalan *teR-* lazimnya terbentuk daripada kata sifat, manakala kata kerja terbitan terbentuk daripada golongan kata selain kata sifat. Walaupun terdapat beberapa kata sifat terbitan terbentuk daripada kata nama dan kata kerja seperti *ternama*, *tersohor*, *terkenal* dan *terkemuka* (lihat bahagian 4.4), tetapi perkataan ini masih dianggap sebagai kata sifat terbitan kerana dari segi makna, perkataan ini mendukung maksud sifat atau keadaan orang yang diterangkan. Kata sifat terbitan ini juga tidak seproduktif kata sifat terbitan yang terbentuk daripada kata sifat itu sendiri. Oleh itu, kata sifat terbitan dan kata kerja terbitan dapat dibezakan berdasarkan kepada kata dasar yang membentuk kata terbitan.

Bagaimanapun, bagi sebahagian kata kerja terbitan yang menjadi penerang nama ini, agak sukar untuk menganggap kata terbitan ini sebagai kata kerja yang tipikal. Hal ini kerana apabila kata dasar yang terdiri daripada kata nama atau kerja menerima imbuhan awalan *teR-* walaupun dengan jelas imbuhan ini menunjukkan golongannya sebagai kata kerja, tetapi dari segi makna, kata yang menjadi unsur penerang ini tidak memperlihatkan sebarang perbuatan, tetapi lebih kepada menjelaskan keadaan sesuatu nama atau benda. Contohnya *surat terbuka*, *idea tersendiri*, *kawasan yang terpencil*, *bakat terpendam* dan *agenda yang tersembunyi* kesemua kata terbitan ini tidak jelas dari segi golongannya, iaitu sama ada tergolong dalam golongan kata kerja atau kata sifat.

Berdasarkan contoh di atas, perkataan *terbuka* dalam frasa *sokongan terbuka* misalnya boleh dianggap sebagai kata sifat nama berdasarkan kehadirannya di dalam gatra bagi kata sifat dan ciri morfosintaktiknya menepati ciri-ciri kata sifat. Tetapi apabila diteliti daripada baris konkordans, *terbuka* dapat dikategorikan kepada dua golongan kata, iaitu kata sifat nama dan kata kerja. Perkataan *terbuka* dianggap sebagai kata sifat kerana perkataan ini boleh mengisi ketiga-tiga gatra yang boleh dimuatkan oleh kata sifat, iaitu gatra penerang nama, gatra predikat dan dalam gatra penerang predikat. Dalam gatra penerang nama, *terbuka* hadir betul-betul selepas gatra kata nama inti, iaitu mengisi gatra penerang nama, walaupun dalam bahasa Melayu, gatra penerang ini boleh diisi oleh kata nama dan kata kerja. Kata *terbuka* ini dianggap sebagai kata sifat kerana kata ini boleh hadir bersama-sama kata hubung relatif (contohnya *sokongan terbuka*) atau dalam pola *ber-* + kata nama inti + kata sifat (contohnya *berfikiran terbuka*), manakala dalam gatra predikat, *terbuka* lazimnya hadir selepas penanda intensiti (contohnya *sangat terbuka*) dan dalam gatra penerang predikat, *terbuka* hadir selepas *secara*, atau *dengan cara* (contohnya *secara terbuka*). Dalam data korpus yang dikaji ini, *terbuka* merupakan kata kerja (contoh (66) apabila mengisi gatra predikat dan lazimnya didahului oleh kata bantu. Yang berikut merupakan contoh *terbuka* yang hadir dalam setiap gatra.

Contoh:

(65) *Terbuka yang digolongkan sebagai kata sifat*

(a) Gatra Penerang Nama

(i) *sokongan terbuka*

(ii) *peluang yang terbuka*

(ii) *berfikiran terbuka*

(b) Gatra Predikat

- (i) *Sikapnya amat terbuka.*
- (ii) *Karim sangat terbuka dan mudah didekati.*

(c) Gatra Penerang Predikat

- (i) *Wanita di Ipoh menerima Fatimah dengan terbuka.*
- (ii) *Bapa zaman dahulu tidak mahu menunjukkan kasih sayang mereka kepada anak-anak secara terbuka.*

(66)²⁰ Terbuka yang digolongkan sebagai kata kerja

Gatra Predikat

- (i) *Lelaki itu bergegas ke kereta dan mendapati pintunya terbuka, manakala sampul surat berisi wang sudah hilang.*

Contoh ini menjelaskan bahawa perkataan *terbuka* boleh terdiri daripada kata sifat dan kata kerja. Penentuan golongannya berdasarkan ciri-ciri sintaktik selain ciri morfologi. Dari segi sintaktik, *terbuka* boleh dimuatkan ke dalam semua gatra kata sifat, walaupun dari segi morfologinya kata ini dengan jelas merupakan kata kerja. Walaupun *terbuka* digolongkan ke dalam kata kerja (contoh 66), tetapi dari aspek makna *terbuka* menerangkan perbuatan yang telah berlaku atau keadaan/sifat yang telah sedia berlaku. Hal ini telah menimbulkan keaburan dalam menentukan golongan kata dan secara tidak langsung menunjukkan bahawa kata sifat hadir dalam pelbagai gatra dan juga mempunyai garis sempadan yang kabur, khususnya dengan kata kerja.

²⁰ Contoh bagi (66) diambil daripada sumber konkordans DBP kerana data korpus yang dikaji tidak ada kata kunci *terbuka* yang tergolong dalam kata kerja. Contoh ini dimuatkan bagi tujuan perbandingan.

5.5 Kesimpulan

Pada umumnya, dalam mengisi gatra penerang, kata sifat hadir selepas kata nama dan kata kerja. Hal ini bererti dalam fungsi penerang, kata sifat menjadi penerang kepada kata nama (dikenali sebagai sifat nama) dan kata kerja (dikenali sebagai sifat kerja). Apabila kata sifat bertindak sebagai penerang kerja, maka dengan jelas bahawa kata sifat bahasa Melayu adalah berbeza sama sekali dengan kata sifat dalam bahasa Eropah, khususnya bahasa Inggeris. Idea bahawa jika sesuatu bahasa mempunyai kata sifat sebagai golongan utama, maka kata sifat itu perlu sama seperti kata sifat dalam bahasa Inggeris adalah tidak tepat. Bahkan anggapan bahawa dalam bahasa Melayu tiada kata sifat sebagai penerang kerja, tetapi sebagai kata adverba juga kurang tepat kerana penetapan golongan kata tidak boleh ditentukan berdasarkan terjemahan golongan kata daripada bahasa Inggeris kerana setiap bahasa mempunyai sistem tatabahasanya yang tersendiri dan berbeza dengan sistem tatabahasa yang lain.

Berdasarkan kepada kriteria sintaktik, terdapat lima pola kata sifat nama, iaitu kata nama + kata sifat, *beR-* + kata nama + kata sifat, kata nama + kata hubung relatif + kata sifat, kata nama + kata hubung relatif + penanda intensiti / penanda perbandingan + kata sifat dan kata nama + kata hubung relatif + penanda aspek/modalitas + kata sifat. Hal ini jelas menunjukkan bahawa dalam fungsi penerang, kata sifat dari segi sintaktiknya memaparkan perilaku yang menyamai kata kerja, iaitu di dalam kajian ini didapati kata kerja yang berfungsi sebagai penerang nama mempunyai empat pola yang menyamai kata sifat.

Bagaimanapun apabila diteliti dari sudut morfologi, kata sifat lazimnya terdiri daripada bentuk dasar dan hanya sebilangan kecil sahaja kata sifat yang terdiri daripada kata terbitan. Aspek ini menyamai kata nama, iaitu kata nama yang menjadi penerang juga lazimnya terdiri daripada kata dasar. Dalam bentuk terbitan pula, kata sifat terbitan terdiri daripada imbuhan awalan *peN-* dan *teR-*, iaitu imbuhan awalan *peN-* ini menyamai imbuhan awalan kata nama. Yang membezakan kedua-dua golongan ini hanyalah kata dasar yang membina kata nama terbitan dan kata sifat terbitan, iaitu kata sifat terbitan biasanya terdiri daripada kata dasar yang merupakan kata sifat, manakala bagi kata nama terbitan, kata dasarnya boleh terdiri daripada kata nama, kata kerja atau kata sifat. Justeru, dalam fungsi penerang ini dari sudut morfologi kata sifat banyak menyamai kata nama dari segi ciri-cirinya berbanding kata kerja.

Dalam fungsi penerang, selain kata sifat, kata nama dan kata kerja turut menjadi unsur pengisi penerang nama. Oleh itu, dalam menjelaskan golongan kata sifat, selain daripada menentukan ciri kata sifat itu sendiri, kata sifat juga perlu dibezakan daripada kata nama dan kata kerja. Hal ini amat penting untuk memberikan gambaran yang jelas bagi golongan kata sifat itu sendiri.